

**Jilid II
Bil. 28**



**Hari Selasa
18hb Disember, 1984**

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3649]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) [Ruangan 3693]

Rang Undang-undang Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) [Ruangan 3731]

MALAYSIA

PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N., (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)

- Yang Berhormat TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)
- ” DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)
- ” PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)
- ” DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)
- ” TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)
- ” DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)
- ” TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)
- ” TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)
- ” TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)
- ” CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)
- ” DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)
- ” TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)
- ” DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)
- ” TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)
- ” TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)
- ” TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)
- ” PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)
- ” TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)
- ” TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)
- ” DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)
- ” TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)
- ” TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)
- ” TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)
- ” TUAN WONG YAU KET (Sabah)
- ” DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P.B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA
DEWAN NEGARA

Selasa, 18hb Disember, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

**GAS CECAIR ASLI (L.P.G.) —
PENGGUNAAN KENDERAAN**

1. **Puan Hajjah Hafsa binti Othman** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kenderaan yang menggunakan kemudahan Autogas (L.P.G.) di negeri ini dan:

- (a) sama ada Kerajaan bercadang menukarkan kenderaan rasmi Kerajaan dari menggunakan kemudahan petrol kepada kemudahan (L.P.G.); dan
- (b) langkah-langkah Kerajaan telah ambil bagi menggalakkan penggunaan L.P.G.

2. **Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah kenderaan yang telah menukar dari kenderaan yang menggunakan minyak petrol biasa kepada Gas Cecair Asli semenjak penggunaan Gas Cecair Asli diperkenalkan dalam negara kita ini.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan No. 2 daripada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman pada hari ini bersama-

sama dengan soalan ini kerana maksudnya hampir sama.

Sehingga akhir bulan Oktober, 1984 sebanyak 389 buah kenderaan motor telah dipasang dengan sistem yang menggunakan bahan api gas petroleum cecair (L.P.G.). Pada masa ini sebanyak 18 buah kenderaan motor yang dimiliki oleh Kerajaan telahpun dipasang dengan sistem bahan api gas petroleum cecair, sekali lagi L.P.G., dan banyak lagi kenderaan rasmi Kerajaan akan dipasang dengan sistem L.P.G. ataupun G.P.C. jika ada peruntukan yang mencukupi nanti. Pada masa sekarang pihak Kerajaan tidak bercadang untuk mengambil sesuatu langkah bagi menggalakkan penggunaan G.P.C. atau L.P.G. Kerajaan telah menetapkan supaya pilihan sama ada menggunakan G.P.C. atau L.P.G. ataupun tidak menggunakan adalah terpulang kepada orang ramai.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya cuma ingin tahu adakah penggunaan gas cecair asli ini lebih murah daripada menggunakan petrol dan diesel. Jika ianya lebih murah, berapa peratuskah perbezaannya daripada penggunaan kuasa petrol dan diesel ini tadi.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, pihak Kerajaan telahpun membuat penilaian mengenai dengan perkara ini buat perbandingan di antara petroleum atau gasoline dan L.P.G. dan didapati bahawa perpindahan kepada L.P.G. adalah agak mahal sedikit; dan itu sebabnya Kerajaan telah mengambil keputusan iaitu terpulanglah kepada orang ramai dan "market forces" untuk

bertukar kepada L.P.G. di masa ini ataupun tidak. Walau bagaimanapun, di satu ketika di masa akan datang sekiranya kedudukan ekonomi kita dan harga di antara petroleum atau gasoline dan gas L.P.G. berubah, kita akan tinjau semula perkara ini.

Datuk G. Pasamanickam: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, bolehkah Kerajaan bagi insentif untuk menggunakan kereta-kereta yang pakai L.P.G., kerana baharulah orang-orang hendak pakai kereta memang dia boleh gunakan kereta itu dengan L.P.G.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, sekali lagi pada ketika ini Kerajaan tidak sanggup memberi subsidi atau bantuan untuk menggalakkan penggunaan L.P.G. kerana ekonomi negara tidak membenarkan. Kalau seorang yang mempunyai kenderaan mahu menukarkan penggunaan fuel atau minyak kenderaan daripada petroleum bertukar dengan L.P.G. tangki itu dan segala accessories akan memakan belanja lebih kurang \$1,500. Jadi, itulah yang barangkali tidak boleh tahan pada ketika ini.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka hendak bertanya di antara kos pengeluaran L.P.G. dengan minyak mentah daripada negara kita ini yang mana di antaranya lebih murah, kerana menurut keterangan bahawa minyak di negara ini hanya akan berakhir di antara 23 tahun hingga 30 tahun dan manakala L.P.G. pula sumber gas yang diperolehi di negara kita ini akan mengambil masa lagi 40 tahun baharu boleh habis. Jadi, mana di antaranya lebih murah jika difikirkan dalam jangka panjang dalam penggunaan L.P.G.

Datuk Dr. James P. Ongkili: Tuan Yang Dipertua, saya ingin memberi penerangan kepada Dewan yang mulia ini iaitu L.P.G. dan gas yang banyak itu agak berlainan sedikit. L.P.G. ini adalah bahan yang begitu dekat dengan petroleum (gasoline) yang mana apabila

kita proses gas kita dari laut, katakan daripada luar pantai laut Terengganu, apabila kita proses gas dari laut itu di kilang memproses gas di Kerteh itu hanya lebih kurang 15% sahaja. Jadi L.P.G. agak mahal. Dan gas yang banyak yang dinamakan methane itu lebih kurang 85%. Yang kita akan galakan supaya digunakan oleh negara kita ialah methane yang 85% itu bukan L.P.G. jadi L.P.G. agak mahal sedikit.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman.

Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman: Tuan Yang Dipertua, soalan No. 2 telah dijawab sama dengan soalan No. 1. Saya tarik balik.

PERTUBUHAN PENGAKAP — CORAK/ASAS LATIHAN

3. Tuan Jaafar bin Harun minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan corak dan asas latihan pertubuhan pengakap mengikut keadaan sekarang untuk memenuhi keperluan negara dan sejauh mana pula pengaruhnya kepada masyarakat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah bin Dato' Syed Mohamed): Tuan Yang Dipertua, corak dan asas latihan pengakap dijalankan mengikut susunan yang lengkap dan progresif dengan matlamat menanamkan sikap saling menghormati, harmoni persefahaman di kalangan manusia dengan berasaskan kepada pengertian dan undang-undang pengakap.

Justeru itu, semua latihan yang disediakan bercorak menggunakan cara berpengakap dengan tujuan memberi asuhan dan perkembangan dari sergi mental, jasmani, kerohanian dan sosial kerana ini adalah disesuaikan dengan kehendak masyarakat dan negara.

Memandang perkembangan keahlian pertubuhan ini meningkat dengan baik

tahun demi tahun dan kini keahliannya telah mencapai ke tahap yang menggalakkan iaitu 112,515 orang bagi tahun 1983. Ini menunjukkan pengaruh dan sambutan serta kepercayaan dari masyarakat sangat menggalakkan.

Bagi makluman Ahli Yang Berhormat, keahlian pengakap ini terdiri dari mereka yang berumur 8 tahun hingga 35 tahun dan lebih. Ada juga diantaranya telah berumur 70 tahun tetap masih aktif menjadi pengakap.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adakah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan selain daripada memberi bantuan kepada pengakap iaitu memberi bantuan kepada pandu puteri yang mana asasnya lebih kurang sama dan selain dari itu juga adakah persatuan pengakap dan pandu puteri ini juga pernah diberi latihan di pusat-pusat belia di negara kita ini seperti di Dusun Tua bagi menambahkan atau meningkatkan kemahiran-kemahiran asas mereka.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Pada masa ini pandu puteri memanglah bersama-sama mendapat perhatian dan juga bantuan dari pihak-pihak tertentu.

Tentang latihan-latihan pengakap ini memang ada dijalankan iaitu dalam latihan pengakap sama ada bagi pemimpin-pemimpin atau budak-budak adalah dijalankan mengikut susunan yang lengkap dan progresif dengan matapelajaran-matapelajaran tertentu. Bagi pemimpin-pemimpin latihan adalah disediakan dengan maksud supaya mereka dapat menggunakan cara-cara pengakap iaitu scout methods untuk mencapai tujuan memberi asuhan dan perkembangan dalam beberapa perkara dan mereka ini memanglah ada diberikan latihan-latihan di pusat-pusat latihan yang dinyatakan itu.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kerana kita hendak memujuk nilai-nilai Islam oleh pemimpin-pemimpin kita pada hari ini di semua bidang. Oleh itu saya ingin bertanya adakah pihak Kementerian untuk mengharamkan ataupun tidak digunakan lagi iaitu selalunya temasya-temasya oleh pengakap ini di dalam hutan dan seterusnya membakar ungun-ungun api, selepas itu menyanyi di keliling api. Rasa saya ini tidak sesuai dalam negara kita. Bolehkah diharamkan langsung mengikut keadaan dalam negara kita, tidak menggunakan camp fire, dengan izin, yang selalu dibuat di upacara-upacara yang selalu diadakan.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, tentang acara-acara yang agak bertentangan dengan nilai-nilai Islam seperti adat ungun api yang berunsur Majusi pihak kita akan mengambil perhatian supaya perkara ini tidak lagi dijalankan seterusnya.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, berapa banyakkah pasukan-pasukan pengakap yang telah ditubuhkan hingga setakat ini.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Pasukan-pasukan pengakap, ini saya sebutkan ahli-ahli sahaja iaitu:

Tahun Bil. Ahli-ahli

1974	73,577
1975	75,784
1976	82,730
1977	78,658
1978	84,997
1979	85,433
1980	84,480
1981	85,091
1982	83,184
1983	112,515

Dan yang menjadi penaung kepada pertubuhan pengakap ini adalah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda

Yang di-Pertuan Agong sendiri dan Raja-raja Melayu di tiap-tiap negeri.

WARTA MINGGUAN/BULANAN — PERMIT KDN

4. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ada penerbit yang telah diberikan permit oleh KDN, menerbitkan warta mingguan dan bulanan yang mengandungi isu-isu kontroversial, seperti isu Bahasa Malaysia, perkauman, kebudayaan, bangsa dan agama dan juga menyiarkan cerita lucu dan lain-lain; jika sedar, nyatakan tindakan yang diambil ke atas penerbit-penerbit seperti ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, soalan yang hampir serupa telahpun dijawab pada hari kelmarin 17hb Disember, 1984. Oleh yang demikian, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 5.

BANK PERTANIAN MALAYSIA — PINJAMAN TANPA FAEDAH KEPADA PETANI/NELAYAN MISKIN

5. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah (*di bawah S.O. 23(2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan bila masanya pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Bank Pertanian Malaysia kepada para petani dan nelayan miskin dapat dilaksanakan dan nyatakan syarat-syarat yang diperlukan untuk membuat permohonan.

29. Tuan Kee Yong Wee minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada permohonan skim pinjaman kecil kepada para petani dan nelayan miskin yang dilaksanakan oleh Bank Pertanian

Malaysia terbuka untuk dipohon oleh semua kaum, jika ya, nyatakan angka-angka penerima-penerima mengikut kaum sejak skim tersebut dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik): Tuan Yang Dipertua, saya memohon izin menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 29 kerana isi kandungannya sama.

Tuan Yang Dipertua, sebenarnya pinjaman tanpa faedah untuk petani-petani dan nelayan-nelayan miskin telahpun dilaksanakan oleh Bank Pertanian Malaysia sejak 1hb Januari, 1981. Untuk memohon pinjaman ini pemohon-pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

1. Pendapatan pemohon hendaklah tidak melebihi garis kemiskinan; atau
2. Sebahagian dari kos projek pemohon dibiayai oleh subsidi Kerajaan dan pemohon berkenaan mestilah mempunyai pekerjaan utama dalam bidang pertanian atau perikanan.

Skim ini serta kemudahan pinjaman Bank Pertanian lain adalah terbuka untuk dipohon oleh semua kaum.

Bilangan penerima-penerima skim ini dari Januari 1981 hingga Julai 1984 adalah seperti berikut:

	Bilangan	Nilai
Bumiputra	123,477	\$128,892,000
Bukan Bumiputra	802	\$ 1,919,000
Ejen Kerajaan	4	\$ 969,000
Koperasi	3	\$ 103,000
Jumlah	124,286	\$131,883,000

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan. Pertama, selain daripada syarat-syarat yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, saya ingin bertanya berapa lamakah hutang ini patut dibayar oleh pemohon.

Kedua, jikalau sekiranya mereka itu tidak boleh membayar apakah syarat-syarat yang lain, adakah mereka ini juga boleh dibawa ke mahkamah kalau dia tidak membayar sebagaimana hutang-hutang yang lain.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, ini merupakan satu butir dan saya tidak dapat memberi satu jawapan yang tepat dan saya percaya tentulah Bank Pertanian memberi masa yang sesuai untuk peminjam membayar hutang kepada Bank. Sekiranya peminjam tidak membayar balik hutang tindakan yang sewajarnya termasuklah tindakan mahkamah biasanya diambil.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu yang mana Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menjelaskan bahawa pemohon atau peminjam yang boleh diluluskan ialah seseorang yang pendapatannya menurut garis kemiskinan. Berapakah jumlah garis kemiskinan yang telah dianggarkan oleh Kerajaan. Adakah seseorang yang berpendapatan \$250 sebulan dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah menerangkan bahawa agensi Kerajaan juga telah meminjam daripada Bank ini tadi demi untuk pinjaman seperti yang diberikan kepada nelayan-nelayan dan petani.

Dr. Goh Cheng Teik: Tuan Yang Dipertua, kalau tidak salah garis kemiskinan rasmi ialah sebanyak \$350 sekeluarga, dan agen Kerajaan yang saya sebutkan ialah agen yang miskin. (*Ketawa*).

PROJEK BELIA NIAGA — PERUNTUKAN

6. Tuan Ahmad bin Othman minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan jumlah peruntukan kewangan untuk belia niaga yang diberikan kepada Persatuan-persatuan Belia pada tiap-tiap tahun dan berikan perangkaan

mengenai projek-projek yang berjaya dan yang gagal.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, Kementerian ini tidak memberi bantuan kepada Persatuan-persatuan Belia, sebaliknya bantuan ini diberikan kepada belia yang bakal menceburkan diri dalam perniagaan.

Peruntukan Rancangan Belia Niaga di bawah Anggaran Pembangunan ialah \$23,530,000. Dari peruntukan ini sejumlah \$18,114,350.96 sen telah dibelanjakan sehingga Jun 1984. Pecahan jumlah ini mengikut tahun adalah seperti berikut:—

Tahun	Peruntukan	Perbelanjaan Sebenar
1979	\$ 5,000,000.00	\$ 3,241,103.84
1980	5,000,000.00	5,043,036.52
1981	4,000,000.00	3,844,722.60
1982	2,600,000.00	2,131,758.00
1983	3,970,000.00	2,995,869.00
1984	3,000,000.00	858,261.00
Jumlah	\$23,570,000.00	\$18,114,350.96

Sehingga Jun 1984 sebanyak 1,134 projek telah diwujudkan. Daripada jumlah itu, 904 (79.3%) projek adalah berjaya dan 230 (20.6%) projek mengalami kegagalan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada jumlah peruntukan yang diuntukkan untuk membantu Belia Niaga sehingga sekarang ini berapa banyak lagi jumlah peruntukan itu yang masih belum disalur atau disampaikan kepada pemohon-pemohon kerana banyak kedengaran dan banyak didapati belia-belie yang ingin berniaga yang telah menjalani kursus, tetapi permohonannya masih dibekukan dengan alasan negara kekurangan wang.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, dalam soalan ini saya perlu notis.

Tuan Ahmad bin Othman: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, daripada 230 projek yang tidak berjaya itu, projek apakah yang tidak berjaya, dan manakala tidak berjaya, adakah pinjaman-pinjaman yang diberi kepada belia itu dituntut balik oleh Kerajaan?

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Jenis-jenis projek yang banyak dilaksanakan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ialah ada 4 kategori iaitu:—

Perkhidmatan	— 805 projek
Perdagangan	— 183 ”
Perusahaan	— 15 ”
berdasarkan pertanian	
Perusahaan Kecil	— 128 ”

Sebelum daripada ini pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan ada memberikan latihan dan juga kawalan serta bimbingan. Andainya mereka ini gagal membayar balik pinjaman-pinjaman yang telah dibuat, usaha-usaha untuk mendapatkan hutang bayaran itu adalah dijalkan dengan beberapa cara, iaitu:—

1. Kementerian menghantar surat peringatan dan amaran kepada belia yang telah mendapat pinjaman, mengenai bayaran balik serta tunggakan yang belum dijelaskan dan meminta mereka menjelaskan dalam tempoh masa yang ditetapkan.
2. Pegawai-pegawai Kementerian sama-sama membuat susulan ke projek atau mengingatkan dan meminta belia menjelaskan balik berdasarkan kemampuan atau pendapatan yang diperolehi.
3. Persatuan Usahawan Baru Malaysia yang telah memberikan pinjaman kepada belia-belia akan meminta peguam Persatuan untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap belia-

belia yang enggan membayar balik pinjaman.

Tuan Mohd. Noor bin Bedah: Kita telah diberitahu iaitu pada tahun ini peruntukan untuk Projek Belia Peladang cuma ada \$10 sebagai token vote sahaja dan dalam Rancangan Projek-projek Belia Niaga peruntukan ini telah dibekukan dan mulai bulan Jun tahun ini tidak ada langsung peruntukan diberi kepada belia-belia. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sampai bila pembekuan ini hendak diteruskan?

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Sememangnya saya telah bacakan tadi iaitu semua peruntukan itu telahpun dibelanjakan sehingga Jun 1984 dan yang bakinya itu saya perlu merujuk kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dahulu.

SKIM ANAK ANGKAT YAYASAN PELAJARAN MARA (Y.P.M.)

7. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan sama ada Skim Anak Angkat Y.P.M. (Yayasan Pelajaran MARA) yang telah dicadangkan itu mendapat sambutan; jika ya, nyatakan jumlah murid-murid yang telah memperolehinya.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato Mohammad Yahya bin Lampong): Tuan Yang Dipertua, Skim Anak Angkat Yayasan Pelajaran MARA yang telah dimulakan pada bulan Mei 1984 yang lalu merupakan satu skim untuk membantu pelajar-pelajar yang mempunyai latar belakang sosio-ekonomi yang rendah tetapi baik di dalam pelajaran.

Di bawah Skim ini, Y.P.M. (Yayasan Pelajaran MARA) adalah berfungsi sebagai penyelaras untuk mendapatkan seberapa ramai pelajar-pelajar daripada golongan-golongan tersebut untuk dijadikan anak angkat kepada keluarga-

keluarga angkat yang menyertai Skim ini mengikut syarat-syarat tertentu. Melalui Skim ini, pelajar-pelajar yang terlibat diberikan galakan moral dan kewangan oleh keluarga-keluarga angkat mereka.

Skim Anak Angkat Y.P.M. yang dijalankan ini telah mendapat sambutan yang menggalakkan. Dengan wujudnya Skim tersebut telah sedikit sebanyak dapat meringankan lagi masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar miskin dan beban yang dipikul oleh ibu bapa mereka, di samping dapat memberikan dorongan atau aspirasi kepada mereka yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, jumlah murid-murid miskin yang telah memperolehi Skim Anak Angkat Y.P.M. setakat bulan November 1984 yang lalu ialah seramai 330 orang.

Tuan Ahmad bin Othman: Soalan tambahan, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri mencadangkan supaya Skim ini diperluaskan lagi oleh kerana kita tahu Skim ini telah mendapat kejayaan tetapi pihak Kementerian saya rasa menghadkan sahaja Skim ini. Adakah Kementerian bercadang untuk memperluaskan lagi sehingga sampai kepada matlamat untuk mencapai kejayaan?

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar tidak menghadkan Skim ini.

Puan Hasnah binti Haji Mohd. Kassim: Dari jumlah 330 orang itu dari negeri mana yang terlibat dengan Skim Anak Angkat yang tersebut tadi dan berapa perbelanjaan kalau dikira pada tiap-tiap seorang dan selama mana Skim Anak Angkat itu kepada seseorang?

Dato Mohammad Yahya bin Lampong: Tuan Yang Dipertua,

Perlis	— 34 orang
Kedah	— 33 orang
Pulau Pinang/ Seberang Perai	— 8 orang
Perak	— 36 orang
Selangor/Wilayah Persekutuan	— 29 orang
Negeri Sembilan	— 24 orang
Melaka	— 25 orang
Johor	— 45 orang
Pahang	— 40 orang
Terengganu	— 30 orang
Kelantan	— 24 orang
Sarawak	— 2 orang
Sabah	— Tiada

Anak-anak angkat ini adalah diberi bantuan daripada Darjah 3 hingga Darjah 6, daripada Form 1 hingga Form 3, daripada Form 4 hingga Form 5. Bantuan yang diberi untuk murid-murid Darjah 3 hingga Darjah 6 ialah \$20 sebulan; untuk Form 1 hingga Form 3 ialah \$30 sebulan dan Form 4 hingga Form 5 ialah \$40 sebulan.

GURU-GURU MENGHASUT MURID BENCI KERAJAAN

8. Tuan Haji Mohamed bin Yahya minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar memandangkan ada terdapat guru-guru menghasut murid-murid sekolah supaya membenci Kerajaan dan jika sedar, nyatakan bilangan guru-guru yang terlibat, dan tindakan Kementerian ke atas guru-guru tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, Kementerian Pelajaran sedar ada 10 orang guru di Terengganu yang dikatakan menghasut murid-murid supaya membenci Kerajaan. Kementerian saya telahpun menjalankan penyiasatan mengenai perkara ini tetapi didapati bahawa tuduhan itu tidak mempunyai bukti-bukti yang cukup untuk membolehkan tindakan-tindakan tatatertib diambil ke atas mereka itu. Walau bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengikuti perkembangan

perkara-perkara seperti ini supaya keadaan sentiasa terkawal.

Puan Hasnah binti Haji Mohd.

Kassim: Bukti yang macam mana yang dikehendaki oleh Kementerian Pelajaran, sedangkan dalam masa mengajar sentiasa salah satunya membawa gambar Khomini, inilah pemimpin Islam yang diagung-agungkan oleh kita dan pemimpin yang ada di Malaysia sekarang tidak ada makna, bukannya pemimpin Islam. Sebagaimana lagi yang dikehendaki yang dimaksudkan oleh Kementerian Pelajaran.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang Dipertua, penjelasan dan bukti-bukti ini pentakrifan ataupun interpretasi ataupun definisi mengenai sesuatu sama ada ia boleh digunakan atau tidak, bergantung kepada seseorang individu atau sesuatu golongan pihak agensi Kerajaan dan sebagainya. Bagi pihak Kementerian Pelajaran, kita memang berasaskan kepada asas-asas atau bukti-bukti yang kita kehendaki. Setakat ini sebagaimana saya sebutkan tadi, kita belum berasaskan kepada cara-cara yang kita gunakan. Kita belum lagi mendapat bukti-bukti yang boleh kita pergunakan untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang dikatakan membenci Kerajaan itu.

Namun demikian, kita sentiasa mengambil tindakan ataupun mengawasi keadaan ini supaya keadaannya terkawal dan kita, di pihak Kementerian, mempunyai bahagian yang dikhaskan untuk mengambil tindakan terhadap perkara ini dan di pihak Negeri seperti Terengganu dan sebagainya, kita ada Jabatan Pelajaran dan pihak sekolah kita ada pengawas-pengawasnya yang kita anggap berkemampuan mempunyai cara-cara yang kita anggap sebagai berkesan untuk mengawal, memperlihatkan aktiviti guru-guru ini dan apa yang disarankan oleh saudari Yang Berhormat, insya Allah, kita akan mengambil tindakan dan akan kita susuli seterusnya.

Tuan Haji Shaharom bin Haji

Maasom: Soalan tambahan. Jika sekiranya kedapatan seorang guru menghasut murid-murid di sekolah sehingga menganjurkan murid-murid tidak menyanyi lagu "Negaraku", tidakkah ini juga unsur-unsur mempengaruhi murid-murid membenci kepada Kerajaan dan negara kerana yang kita tahu daripada menyanyi lagu "Negaraku" itu penyemaian untuk rasa kasih sayang kepada negara dan bangsa. Adakah gerakan yang semacam itu atau cara yang semacam itu tidak dikatakan kegiatan yang mempengaruhi murid-murid menentang dan membenci Kerajaan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis:

Tuan Yang Dipertua, mungkin itu dianggapkan sebagai satu aktiviti yang menentang, tetapi setakat ini Kerajaan, terutama sekali Kementerian Pelajaran, belum sedar atas berlakunya perkara itu. Kalau ada bukti-bukti, insya Allah, Yang Berhormat, sila kemukakan kepada saya dan kami akan mengambil tindakan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji

Abu Samah: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat mengatakan hanya perkara ini berlaku di Terengganu iaitu 10 kejadian guru-guru telah dikesan. Bagaimana pula dengan negeri-negeri yang lain? Sedangkan di Kuala Lumpur ini berlaku, di pekan besar dan begitu juga di negeri-negeri yang lain. Tadi jawapan Yang Berhormat mengatakan ini akan diawasi, diawas, diawas begini. Sampai bila perkara ini diawasi kerana masalah ini masalah yang begitu berat dipandang oleh rakyat. Pihak Kementerian rasa saya memanglah tidak tahu tetapi kami duduk di kampung-kampung, ibubapa-ibubapa dan bapak-bapak dan anak-anak balik ke rumah dan mereka ini macam membenci kepada kita. Umpamanya, bapaknya menjadi ahli UMNO dan seterusnya dia mengatakan UMNO tidak boleh buat itu. Menteri tidak betul, memang perkara ini berlaku tiap-tiap hari. Oleh

itu kita tidak hendaklah pihak Kementerian Pelajaran mengatakan nanti dahulu ada itu dan sebagainya. Kalau boleh jalankan sekarang ini sebelum perkara ini merebak.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat juga ahli UMNO, Menteri Pelajaran pun ahli UMNO dan saya sendiri walaupun bukan ahli UMNO tetapi patuh kepada UMNO dan juga Barisan Nasional dan tidak ingin mana-mana pihak mendapat gaji daripada pihak Kerajaan membenci Kerajaan. Sebagaimana saya sebutkan tadi kalau kita mengatakan dikawal, mengawal juga ertinya mengambil tindakan yang sepatutnya diambil. Namun demikian, sebelum tindakan diambil, kita mesti selidiki perkara itu sampaikan dengan bukti-buktinya boleh diterima atau tidak. Setakat ini berasaskan kepada apa yang telah diterima serta penyelidikan yang dilakukan oleh pihak Kementerian, kita belum dapat menerima laporan yang diberi kepada kita sebagai laporan yang boleh kita jadikan asas untuk mengambil tindakan tatatertib sebagaimana yang kita harapkan.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya menyenaraikan kegiatan-kegiatan ataupun gerakan-gerakan guru-guru yang menentang Kerajaan supaya dapat disenaraikan.

Tuan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, saya minta soalan No. 9, Tuan Mohd. Yusoff.

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim: Tuan Yang Dipertua, soalan ke 9.

SISTEM MUASSASAH

9. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bukan sahaja Sheikh-sheikh Haji tetapi hampir kesemua jemaah-jemaah tidak berpuashati

dengan sistem "Muassasah" yang dijalankan oleh Kerajaan Saudi Arabia sekarang, dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil dan nyatakan peranan Tabung Haji di dalam perkhidmatan kepada Jemaah Haji pada masa hadapan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan sedar bahawa masalah yang dihadapi oleh Jemaah Haji pada tahun ini di bawah sistem Muassasah adalah begitu ketara sekali. Perlu juga saya nyatakan bahawa sistem Muassasah ini mempunyai tujuan yang baik iaitu untuk memperbaiki sistem Sheikh Haji yang tidak sunyi dari kecaman Jemaah Haji akibat dari soal-soal layanan dan tidak mendapat pembelaan daripada mana-mana pihak. Walau bagaimanapun, disebabkan sistem Muassasah ini pertama kalinya dilaksanakan bagi Jemaah Haji Asia Tenggara, masalah yang timbul adalah berpunca dari pengurusan dan pelaksanaan sistem itu iaitu oleh Muassasah sendiri.

Walaupun bagaimanapun, dalam perjumpaan dari hati ke hati dengan Timbalan Menteri Haji dan Wakaf pada petang semalam di antara Menteri yang berkenaan, saya dapati natijahnya adalah sangat menggalakkan dan apakala kecaman-kecaman yang tersiar di dalam akhbar-akhbar tempatan, maka pihak Malik Fahd sendiri mengambil berat dan mengambil perhatian bahawa di masa-masa akan datang segala keselesaan dan segala khidmat yang baik adalah dijanjikan akan diberi kepada semua Jemaah Haji, bukan sahaja dari Malaysia bahkan daripada seluruh dunia yang pergi menyempurnakan ibadat Haji.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang Dipertua, soal kerumitan-kerumitan Jemaah Haji di waktu menunaikan Haji di Mekah ini memang sudah perkara lumrah. Saya ingat

berkali-kali, selepas musim Haji ada sahaja masalahnya, kemudian untuk memperbaiki lagi timbullah satu skim ini, cadangan baru dari Saudi Arabia 'Muassasah'. Orang kita pun ikutlah 'Muassasah', bila sampai jemaah haji jadi 'maha susah'. Jadi tidakkah ada rancangan atau cadangan daripada Lembaga dan Urusan Tabung Haji di negara kita ini, sebelumnya sampai musim Haji, buat satu cadangan. Mereka ini mengetahui masalah Jemaah-jemaah Haji kita, kenapa tidak buat satu cadangan dan bentangkan cadangan ini kepada Kerajaan Saudi Arabia, inilah cadangan yang lebih sesuai yang mungkin boleh diterima oleh Jemaah-jemaah Haji daripada Malaysia. Kenapa kita mesti mahu ikut cakap-cakap orang lain ini 'Muassasah'. Kitapun ikut 'muassasah', sampai jadi susah. Itu sahaja.

Puan Shariffah Dorah binti Dato Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, dalam perkara 'Muassasah' yang dikatakan 'maha susah' tetapi yang kena sesah ialah Tabung Haji. Langkah-langkah yang akan diambil terhadap kelemahan pelaksanaan Muassasah ini iaitu:

- (1) mengadakan rundingan di peringkat Kerajaan dengan Kerajaan. Pada masa ini Kerajaan sedang menimbangkan laporan yang disediakan oleh Tabung Haji mengenai masalah ini.
- (2) mengadakan rundingan di antara Tabung Haji dengan Muassasah Asia Tenggara sahaja. Muassasah ini baru dijalankan untuk Asia Tenggara khas sendiri dan semalam pihak Menteri itu akan menyediakan berbagai-bagai perkara yang khusus untuk Jemaah Haji Asia Tenggara dan rakyat Malaysia dijanji tidak akan dicampur dengan lain-lain negara.
- (3) mempertingkatkan perkhidmatan Tabung Haji di Tanah Suci, ini kita akan menambahkan jumlah

pegawai-pegawai dan ahli-ahli kita yang akan kita hantar berlatih dahulu di sana sebelum sampai musim Haji.

Pada masa hadapan, Tabung Haji akan mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan alternatif bagi menampung segala akibat kelemahan-kelemahan Muassasah, umpamanya:

- (i) memandu Jemaah Haji mengerjakan Tawaf dan Saie pada musim mula mereka tiba di Mekah;
- (ii) menanda rumah-rumah Jemaah Haji dengan menggunakan bendera Malaysia;
- (iii) memberi makanan dan minuman kepada Jemaah Haji yang terlantar disebabkan kecuaiannya Muassasah;
- (iv) mengadakan petugas-petugas menunggu di tepi-tepi jalan di sekitar bandar Mina untuk membantu Jemaah Haji yang terkandas; dan
- (v) mengadakan perkhidmatan Pegawai Perhubungan Sukarela bagi setiap kumpulan 50 orang Jemaah Haji supaya dapat pegawai-pegawai itu menjadi perantaraan untuk menyampaikan masalah mereka kepada Tabung Haji ataupun Muassasah.

Tuan Ishak bin Abdul Rahman: Soalan tambahan. Benarkah atau tidak kononnya pegawai-pegawai dan petugas-petugas daripada Tabung Haji ini terdiri daripada petugas-petugas yang muda-muda atau yang baru. Contohnya seperti pada tahun hadapan akan diambil daripada petugas-petugas yang baru begitulah berikutnya. Ini barangkali menjadi kesusahan bukan sahaja kepada Jemaah Haji bahkan kepada petugas itu sendiri kerana mereka baru sampai di sana dan baru menjalankan tugas di tempat yang baru.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Perkara ini bolehlah

dikatakan separuh benarlah kita campur orang baru dengan orang yang lama. Tetapi insya Allah di masa yang akan datang iaitu di tahun hadapan kita akan menghantar pegawai-pegawai kita yang telah berpengalaman dan yang telahpun menyempurnakan ibadat haji. Ada juga setengah-setengah bersungut menyatakan pegawai-pegawai ini bukan mereka hendak pergi menjalankan tugas dan tanggungjawab tetapi dia sama hendak buat haji. Jadi ini memanglah tidak dapat dielakkan. Apakala mereka hadirkan diri di Padang Arafah bermakna mereka telah menyempurnakan salah satu daripada Rukun Haji yang utama, dengan yang demikian lebih baik dan lebih elok mereka terus sekali menyempurnakan ibadat haji.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin menambah sedikit dan juga memberi cadangan. Sungguhpun cadangan telahpun diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi berhubung dengan bakal-bakal haji di tahun hadapan dengan adanya setiap 50 orang ada satu ketua. Di sini saya ingin mencadangkan supaya tiap-tiap bakal haji yang akan datang; ini pengalaman kita yang telah pergilah supaya lebih awal lagi pihak Tabung Haji mencari Sheikh-sheikh yang benar-benar yang ada mengikut Muassasah ini. Tiap-tiap Sheikh itu menanti di sana. Kita tidak mahu sebagaimana dikatakan 50 orang satu kepala, kemungkinan 50 orang itu akan diberi 5 atau 6 Muassasah atau Sheikh-sheikh yang lain. Bagaimana mereka itu hendak mencari besok kalau tidak ditempatkan di satu tempat?

Oleh itu, saya mencadangkan supaya tiap-tiap satu ketua ini tadi, satu Sheikh, satu Muassasah dan sebagainya supaya ditempatkan. Ini cadangan saya. Sebab apa masalah ini kalau pecah juga, itu juga, sebagaimana terjadi di tahun ini akan lebih terjadi di tahun hadapan. Itulah pandangan saya kerana kita semua pun sudah pergi rasa saya masalah ini

memang timbul tiap-tiap tahun. Kalau tidak dibincangkan pula kita pun sakit hati duit sudah bayar begitu banyak tetapi masalahnya timbul tiap-tiap tahun.

Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamed: Cadangan Yang Berhormat itu memanglah sangat baik dan kami telahpun mengambil perhatian dan mengambil kira cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang dikemukakan oleh umat-umat Islam di negara ini. Bahkan pada tahun hadapan bagaimana yang saya telah terangkan di Dewan yang mulia ini di masa yang lepas iaitu kita telah bercadang bakal haji Malaysia 24,000 kita minta supaya kita memilih Sheikh-sheikh yang benar-benar baik, yang telah masyhur baiknya, kita pilih atau minta katakanlah 6 ataupun 8 Muassasah, jadi kita tempatkan satu Muassasah itu 3,000 jemaah kita. Dan dalam 3,000 kita ada 60 orang pegawai kita yang akan kita hantar. Jadi bolehlah 20 pegawai jaga satu khemah, satu maktab itu.

Berhubung dengan terjadinya perpisahan di antara suami isteri, keluarga dan lain-lain lagi pihak Kementerian Haji dan Wakaf, Arab Saudi telahpun menjanjikan akan menyediakan bendera khas supaya kita kenal inilah jemaah haji daripada Tenggara Asia dan juga Malaysia akan diberi warna-warna yang tertentu untuk mudah dikesan dan dikenali.

CUKAI PENDAPATAN ALA ISLAM

10. Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan telah mula penerapan unsur-unsur Islam dalam negara ini umpamanya insurans Islam, takaful bank Islam dan lain-lain sama ada cukai pendapatan yang terdapat sekarang ini akan dijadikan cukai pendapatan ala Islam.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Sabbaruddin Chik): Tuan Yang

Dipertua, pada ketika ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk menukar sistem cukai pendapatan yang terdapat di negara kita ini sekarang.

KERETA JABATAN PERKHIDMATAN POS

11. Tuan Ibrahim bin Salleh minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kereta Jabatan Pos yang digunakan sekarang adalah sangat lama belaka dan selalu mengalami kerosakan dan jika sedar apakah tindakan beliau akan ambil untuk memperbaiki perkara ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Kementerian saya memang sedar kereta Jabatan Perkhidmatan Pos yang digunakan sekarang ada di antaranya yang usianya tersangat lama dan kadangkala berlaku kerosakan.

Jabatan Perkhidmatan Pos berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki kenderaan-kenderaan yang mengalami kerosakan malah menghantar mana-mana kenderaan yang melewati 5 tahun dan terlalu lasak digunakan seperti kenderaan-kenderaan yang berkhidmat untuk kawasan-kawasan terpencil dan keadaan infrastruktur ataupun jalan yang kurang memuaskan ke workshop Jabatan Kerja Raya untuk diperiksa dan dikeluarkan sijil BER (Beyond Economic Repair). Penggantian ke atas kenderaan-kenderaan yang telah dikondemkan sentiasa dibuat dari masa kesemasa mengikut keperluan yang benar-benar mendesak dan dalam kemampuan peruntukan kewangan Jabatan Perkhidmatan Pos.

Walau bagaimanapun, Jabatan Perkhidmatan Pos tidak dapat mengganti kesemua kenderaan yang rosak sekali gus memandangkan kedudukan kewangan negara yang masih belum pulih. Kementerian saya berusaha dari masa

kesemasa untuk mendapatkan peruntukan sama ada bagi menggantikan kenderaan-kenderaan yang sering rosak, yang tidak ekonomi digunakan ataupun untuk menyelenggara kenderaan yang mengalami kerosakan kecil tetapi masih boleh digunakan lagi.

TANAMAN TEMBAKAU

12. Tuan Mohd. Noor bin Bedah minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) jumlah keluasan tanaman tembakau, dan hasil pengeluarannya bagi tahun 1983 dan 1984;
- (b) jumlah pengawit-pengawit mengikut negeri-negeri;
- (c) sama ada pengeluaran tembakau pada musim ini mencapai kuota keperluan tembakau awitan yang dianggarkan oleh LTN;
- (d) sama ada Kerajaan bercadang untuk menaikkan kuota pengeluaran tembakau awitan panas bagi musim yang akan datang; dan
- (e) sama ada Kerajaan sedar bahawa ramai petani-petani di seluruh negara berminat mengusahakan tanaman tembakau, tetapi oleh kerana kuota bagi penanaman ini terhad, maka ramai antara mereka tidak dapat mengusahakannya secara berleluasan. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil supaya mereka dapat mengusahakannya secara komersal.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang Dipertua, untuk menjawab soalan:

- (a) Jumlah keluasan kawasan tanaman tembakau seluruh Malaysia pada tahun 1983 ialah 12,792 hektar manakala keluasannya pada tahun 1984 pula ialah 10,516 hektar.

Kejatuhan keluasan kawasan tanaman tembakau pada tahun 1984 adalah disebabkan kejatuhan permintaan daun kering pada tahun tersebut dari 9.26 juta kg pada tahun 1983 kepada 8.4 juta kg tahun 1984.

- (b) Jumlah pengawit-pengawit pula pada tahun 1984 ialah 348 buah. Kedudukannya mengikut negeri-negeri ialah seperti berikut:—

<i>Negeri</i>	<i>Bilangan Pengawit</i>
Kelantan	184
Trengganu	92
Kedah	28
Perlis	17
Pahang	12
Melaka	12
Johor	2
Negeri Sembilan	1
	<hr/>
	348

- (c) Kuota pengeluaran tembakau tahun 1984 ialah 8.4 juta kg manakala pengeluaran daun kering tembakau bergred ialah 6.863 juta kg iaitu pencapaian 81.7% Kejatuhan pengeluaran tahun 1984 ini adalah disebabkan kerosakan pokok tembakau. Cuaca buruk iaitu lebih hujan yang berlaku di awal tahun 1984 telah merosakkan kira-kira 2,700 hektar kawasan tanaman tembakau. Jika sekiranya tidak berlaku bencana ini, dengan berasaskan hasil sebanyak 895 kg satu hektar dan keluasan kawasan 10,516 hektar, pengeluaran daun tembakau boleh mencapai paras kuota yang dikeluarkan.

- (d) Mengenai pertanyaan sama ada Kerajaan bercadang untuk menaikkan kuota pengeluaran tembakau awitan pemanas Malaysia bagi musim yang akan datang, untuk makluman Yang Berhormat, kuota pengeluaran itu adalah bergantung kepada pasaran rokok tempatan. Bagi

tahun 1985, pasaran rokok dijangka berpulih dan oleh sebab itu kuota tersebut ditingkatkan kepada 9.6 juta kg.

- (e) Kerajaan sedar bahawa terdapat ramai petani-petani yang berminat untuk menanam tembakau kerana hasil dari tanaman ini adalah dianggap memuaskan jika dibandingkan dengan lain-lain tanaman jangka pendek. Walau bagaimanapun, oleh kerana permintaan terhadap maka bilangan petani yang dapat menanam tembakau ini pula dihadkan. Untuk makluman Yang Berhormat kuota yang dikeluarkan oleh Kerajaan bergantung kepada permintaan daun tembakau tersebut oleh kilang-kilang rokok tempatan. Dalam usaha meningkatkan permintaan tembakau Awitan Pemanas Malaysia, Kerajaan meminta pihak pengilang rokok untuk menambah penggunaan tembakau tempatan sebanyak 2% setahun. Pada masa ini kadar penggunaan tembakau tempatan ialah lebih kurang 60% dan angka ini dijangka meningkat kepada 62% tahun 1985.

Kerajaan juga sedang berusaha meningkatkan mutu tembakau tempatan melalui penyelidikan yang dijalankan oleh Pusat Penyelidikan Tembakau MARDI di Kubang Krian, Kelantan bagi memenuhi keperluan pengilang rokok. Di samping itu pihak Lembaga Tembakau Negara juga memberi perkhidmatan pengembangan kepada penanam-penanam dan pengawit supaya penemuan-penemuan dan amalan-amalan menanam yang baik dapat dijalankan oleh golongan-golongan tersebut.

Tuan Yang Dipertua, walaupun ramai petani yang berminat menanam tembakau, tetapi tidak semua tanah

boleh ditanam dengan tanaman ini. Kerajaan hanya menggalakkan supaya tembakau ditanam di kawasan tanah beris kerana tanaman lain tidak begitu sesuai untuk tanah jenis ini.

Kerajaan berharap dengan segala rancangan yang telah dan akan dilaksanakan lebih ramai lagi petani yang akan dapat peluang mengusahakan tanaman tembakau ini.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:

Tuan Yang Dipertua, ada pandangan yang mengatakan berlakunya keresahan di kalangan penanam-penanam tembakau kerana pasaran tembakau adalah satu pasaran yang dikatakan artificial, dengan izin, pasaran itu adalah berbentuk pasaran monopoli iaitu pihak pengawit menentukan secara langsung, serba sedikit terhadap harga tembakau dan juga gred tembakau. Ada juga pandangan yang mengatakan bahawa pengawit adalah daripada golongan yang mempunyai kepentingan tertentu di dalam masyarakat tempatan yang menanam tembakau terutama sekali masyarakat yang menanam tembakau. Soalan saya ialah untuk mengelakkan daripada keresahan pasaran menindas, pihak penanam tembakau supaya menghindarkan pasaran itu dalam bentuk monopoli. Jadi sejauh manakah Lembaga Tembakau Negara khususnya dan juga Kementerian amnya kepada idea ini supaya kepentingan penanam tembakau dengan pengawit disamakan melalui koperasi.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Tuan Yang Dipertua, saya kurang bersetuju bahawa hanya sebelah pihak sahaja yang hendak kita salahkan iaitu pengawit, yang sebenarnya perhubungan antara pengawit dengan penanam ada berkaitan yang rapat, tolong-menolong antara satu sama lain. Dan ada bukti-bukti menunjukkan bahawa bagaimana pertolongan daripada pengawit telah membolehkan penanam untuk hidup sepanjang tahun, walaupun dalam tahun itu tanaman tembakaunya habis

rosak. Bagaimanapun untuk mencari satu sistem yang baik, daripada sistem yang telah ada, pihak Kerajaan atau Lembaga Tembakau Negara akan merancangkan iaitu mewujudkan di mana pihak penanam juga adalah terlibat secara langsung dalam pengawitan. Itu satu.

Cara yang kedua iaitu mewujudkan apa yang dikatakan secara koperasi seperti mana yang dicadangkan oleh pihak Yang Berhormat itu.

Ketiga, oleh kerana tiap-tiap pekilang atau pengawit mempunyai penanam-penanam tembakaunya sendiri, jadi kalau boleh pihak pengawit yang mempunyai beberapa ratus orang penanam tembakau dapat mewujudkan koperasi ataupun modal dalam kilang pengawitan itu, sahamnya ada diwujudkan untuk penanam-penanam. Jadi commitment antara kedua-dua belah pihak akan wujud dan ini akan menghindarkan tindas-menindas.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin minta penjelasan dari Kementerian, di satu pihak Kerajaan menggalakkan tanaman tembakau dan ingin juga meningkatkan mutu tembakau yang bakal dikeluarkan oleh petani-petani. Dan di pihak yang lain iaitu Kementerian Kesihatan, Kementerian Penerangan contohnya semakin sibuk kempen untuk rakyat jelata supaya kurangkan merokok dan ini saya mintalah pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan kepada umum, apakah sebenar dasar Kerajaan tentang polisi merokok dan menggalakkan tanaman tembakau.

Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:

Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Rokok tidak diharamkan di tempat yang tertentu, ia diharamkan hanya di tempat-tempat yang tertentu, dengan sebab itu kita mewujudkan satu disiplin yang baik kepada penghisap-penghisap rokok.

Mengikut Kementerian Kesihatan merokok itu tidak baik, merbahaya, tetapi jalan-jalanraya juga banyak tulis merbahaya, orang lalu juga, bukan maknanya tidak boleh, jadi keadaan-keadaan seperti ini bukan maknanya dimansuhkan terus, ada tempat-tempat yang boleh, ada tempat-tempat yang tidak boleh.

PERUSAHAAN PELANCONGAN DI MELAKA

13. Tuan Ng Ah Poi minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Pusat untuk membantu Kerajaan Tempatan Negeri Melaka untuk menggalakkan perusahaan pelancongan di Negeri Melaka.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan Pusat adalah sedia menyedari mengenai langkah-langkah Kerajaan Negeri Melaka dan sektor swasta di dalam usaha untuk memperkembangkan lagi pembangunan industri pelancongan di negeri tersebut. Pembinaan hotel-hotel bertaraf antarabangsa dan sederhana pada tahun ini dan menjelang tahun 1986 serta pembangunan pusat-pusat pelancongan baru, dengan sendirinya akan menjadikan negeri tersebut lebih menarik dan berupaya untuk menampung pertambahan bilangan pelancong-pelancong di tahun-tahun ke hadapan.

Tuan Yang Dipertua, sejajar dengan langkah ini, Kerajaan Pusat sejak 25hb. Mei, 1984 telahpun membenarkan sebuah syarikat penerbangan dalam negeri, dengan izin, Malaysia Air Charter bagi mengadakan perkhidmatan penerbangan yang menghubungkan Melaka dengan pintu-pintu masuk tertentu iaitu Kuala Lumpur dan Singapura. Kemudahan pengangkutan udara ini telah seterusnya memudahkan lagi para-para pelancong bagi melawati ke destinasi tersebut.

Pada tahun ini juga, Kerajaan Pusat menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telahpun membina satu projek yang dikenali sebagai Medan Portugas di perkampungan kaum Portugis di negeri itu. Projek ini antara lain bertujuan mempelbagaikan lagi tarikan-tarikan pelancongan di negeri Melaka, di samping memelihara dan mengekalkan salah satu unsur-unsur kebudayaan negeri itu.

Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam usaha untuk menarik lebih ramai pelancong-pelancong bagi mengunjungi ke negara ini, Kerajaan menerusi Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia, adalah kerap kali mengutarakan unsur-unsur sejarah negeri Melaka sebagai suatu tarikan utama kepada para pelancong. Langkah ini jelas kelihatan dari risalah-risalah, iklan-iklan, filem-filem, rencana-rencana serta lain-lain terbitan yang diterbitkan oleh Perbadanan. Di samping itu, bagi program lawatan suiskanal atau ejen-ejen pelancongan, penulis-penulis pengembaraan, kumpulan televisyen dan perfileman luar negeri yang dianjurkan oleh Perbadanan dari masa ke semasa, negeri Melaka juga kerap kali dipilih menjadi salah satu destinasi-destinasi yang sering dilawati oleh meraka itu. Sebagai misalan, dalam tahun 1984, seramai 54 ejen-ejen pelancongan, penulis-penulis pengembaraan dan lain-lain tetamu dari luar negeri telahpun dibawa untuk membuat lawatan suaikenal ke Melaka. Usaha-usaha ini dan lain-lain usaha penggalakan akan terus dipertingkatkan lagi bagi tahun-tahun hadapan selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk memajukan lagi industri pelancongan di negeri tersebut.

Saya suka juga menegaskan di sini bahawa Kerajaan Pusat akan terus berusaha untuk mengutarakan negeri Melaka sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di negara ini. Dalam

hubungan ini, kerjasama semua pihak yang terlibat dalam industri pelancongan di negara tersebut amatlah perlu untuk menjamin kejayaan yang lebih berkesan.

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya, daripada angka-angka yang telah diterangkan tadi dalam tahun 1984 ini berapakah jumlah pelancongan yang datang ke negara kita ini termasuk yang datang ke negeri Melaka dan dari negeri manakah mereka itu datang. Pertama.

Yang Kedua, sebagai galakan untuk pelancong datang ke sini bukan hanya mereka untuk menengok bangunan ataupun kalau di negeri Melaka hendak tengok Kota Portugis dan sebagainya — tidak. Adakah cadangan pihak Kerajaan khususnya Perbadanan Kemajuan Pelancongan (TDC) supaya tiap-tiap pelancong atau rombongan yang datang, mereka ini disambut dengan tradisi atau kebudayaan tiap-tiap negeri itu. Umpamanya, kalau datang ke Melaka dengan gendangnya, di Pulau Pinang dan negeri-negeri yang lain dengan kebudayaannya. Sebagaimana di luar negeri kalau rombongan pergi ke Hawaii mereka akan mengadakan tarian dan juga kalungan bunga. Kita juga boleh mengadakan bagaimana cara-cara yang sesuai dan tidak melarang juga tidak menjejaskan cara-cara Islam dalam negara kita ini bagi membawa lebih ramai lagi pelancong-pelancong datang ke negara kita.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, soalan pertama saya minta bertulis sebab ini kena senarai berapa pelancong masuk ke negara kita.

Untuk soalan kedua, memang Kementerian saya sedar dan perkara ini ada ditimbang dengan TDC hendak mengambil langkah-langkah yang boleh untuk kebudayaan negara kita.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman: Tuan Yang Dipertua, dalam bidang pelancongan kita semua maklum bahawa negara Singapura mempunyai lebih perbandingan ataupun 'comparative advatange', dengan izin, dibandingkan dengan kita. Tetapi oleh kerana Singapura adalah begitu berdekatan sekali dengan kita, saya ingin tahu sejauh manakah kerjasama di antara Malaysia dengan Singapura membawa kepada cadangan-cadangan ataupun rancangan-rancangan yang konkrit supaya pelancongan itu dapat dipertingkatkan sekarang-kurangnya di selatan Semenanjung.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, memang Singapura ini, dengan izin, 'International Airport' pelancong-pelancong yang sampai di Singapura, tetapi Kementerian saya dengan TDC memang ada berbincang dengan TDC Singapura sekarang ini hendak cari jalan untuk menarik banyak pelancong-pelancong masuk di dalam negara kita.

LESEN IMPORT KERETA BAGI BUMIPUTERA

14. **Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini berapa ramaikah bilangan Bumiputera kita yang telah dapat lesen (permit) jadi pengimport kereta di negara ini.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, jumlah syarikat yang telah diperuntukkan kuota import (permit) di negara ini adalah berjumlah 182 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 165 buah ataupun 90% adalah terdiri daripada syarikat bumiputera.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Daripada jumlah syarikat-syarikat yang telah dikeluarkan atau diberikan pemegang AP (Import Permit), berapa banyak yang diberikan kepada syarikat-syarikat di negeri Sabah, iaitu syarikat

yang dimiliki oleh bumiputera dan berapa di Sarawak.

Dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian juga telah membayangkan untuk membatalkan semua pemegang-pemegang AP, adakah ini telah dilaksanakan oleh Kementerian? Jika benar, tidakkah ini dianggap oleh Kementerian yang ianya akan menjejaskan kepada pemegang-pemegang AP bumiputera.

Tuan Oo Gin Sun: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Sarawak jumlahnya 33; kuota kereta baru 976; kuota kereta terpakai 1,460. Untuk Sabah, jumlah 18; kuota kereta baru 182 dan kuota kereta terpakai 828.

Untuk batalkan AP ini, Kementerian saya siasat hendak buat satu dasar baru berkenaan AP.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 29 adalah diberi di bawah ini).

LADANG SWASTA — KAJIAN

15. Tuan D.P. Vijandran minta Menteri Buruh menyatakan:

- (a) sama ada Kementerian telah menjalankan kajian ke atas semua ladang-ladang di Malaysia untuk menentukan sama ada peruntukan-peruntukan Ordinan Perburuhan (Labour Code) berkaitan dengan tempat tumpangan kanak-kanak dan sekolah-sekolah ladang telah dipatuhi dengan sepenuhnya dan juga nyatakan bilangan ladang-ladang yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan ordinan itu; dan
- (b) sama ada pernah tindakan diambil ke atas ladang-ladang yang tidak

mematuhi Ordinan Perburuhan (Labour Code); jika ya, bila dan di mana; jika tidak mengapa.

Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman):

Pihak Kerajaan telah pun membuat satu kajian mengenai Kemudahan-kemudahan Asas di ladang-ladang swasta dan Rancangan Tanah Felda di negara ini. Kajian itu termasuk juga tempat Tumpangan Kanak-Kanak dan Sekolah-sekolah Ladang. Hasil kajian tersebut, tindakan yang sewajarnya telah diambil. Di samping itu, Pegawai-pegawai Kementerian saya sentiasa menjalankan pemeriksaan ke ladang-ladang tersebut dari masa ke semasa bagi memastikan peruntukan dalam Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja 1966, adalah dipatuhi. Sejak dari tahun 1974 hingga Oktober tahun ini (1984), sebanyak 452 unit tempat Asuhan Kanak-kanak telah dibina dan mematuhi kehendak peruntukan-peruntukan undang-undang tersebut.

Sehingga sekarang ini tidak ada apa-apa tindakan undang-undang diambil terhadap mana-mana ladang oleh Kementerian saya. Ladang-ladang yang menyediakan kemudahan tersebut tetapi tidak mematuhi peruntukan undang-undang 'Labour Code' telah diberi nasihat oleh pegawai-pegawai dari Kementerian saya semasa mereka menjalankan pemeriksaan. Nasihat tersebut telah pun diambil tindakan sewajarnya oleh pihak ladang-ladang berkenaan.

TABUNG KHAS KESIHATAN — CARUMAN

16. Tuan K. Kumaran minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji kemungkinan rakyat mencarum kepada suatu Tabung Khas Kesihatan di mana perbelanjaan kesihatan akan dibiayai oleh Tabung Khas ini seperti yang terdapat di beberapa buah negara yang maju, jika ya, bila dan jika

tidak, apakah sebabnya dan nyatakan juga tindakan-tindakan yang akan diambil oleh Kementerian untuk mengswastakan hospital-hospital di negara ini.

Menteri Kesihatan (Dato' Chin Hon Ngian): Saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa Kerajaan sedang mengkaji mengenai "Health Care Financing" di negara ini termasuk kemungkinan untuk mengadakan satu skim Insuran Kesihatan. Kajian ini dijalankan bersama dengan Bank Pembangunan Asia dan dijangka siap pada pertengahan tahun 1985.

Berkenaan dengan pengswastaan hospital-hospital, saya ingin memberitahu Yang Berhormat bahawa Kementerian Kesihatan telah mengemukakan satu kertas kerja mengenai penswastaan perkhidmatan-perkhidmatan hospital dan ini masih dalam kajian kerajaan.

DASAR NIAGA AGENSI KERAJAAN

17. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar dasar niaga agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di negara ini bersaing dengan syarikat Bumiputera; jika sedar apakah usaha-usaha yang diambil bagi mengatasi masalah ini.

Menteri Perusahaan Awam (Datin Paduka Rafidah Aziz): Adalah tidak benar bahawa niaga Agensi-agensi Kerajaan dan Badan-badan Berkanun di negeri ini bersaing dengan syarikat-syarikat Bumiputera. Agensi-agensi Kerajaan terutamanya yang diawasi oleh Kementerian Perusahaan Awam seperti Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PEKN) dan Badan-badan Berkanun seperti UDA adalah ditubuhkan sebagai pelupur dan pemegang amanah kepada Bumiputera serta menggalakkan penglibatan Bumiputera menceburkan diri dalam bidang perdagangan dan perindustrian. Untuk tujuan ini,

aktiviti-aktiviti agensi-agensi Kerajaan adalah ditumpukan kepada projek-projek di mana Bumiputera belum berkemampuan menyertai dan melaksanakannya seperti projek-projek yang memerlukan modal yang banyak, teknologi yang tinggi serta mempunyai jangka pulangan yang lama. Untuk tidak bersaing dengan syarikat-syarikat Bumiputera, agensi-agensi Kerajaan telah pun diarah supaya melaksanakan peranan bagi memenuhi Konsep Payung iaitu bukan sahaja melindungi syarikat-syarikat Bumiputera tetapi memberi galakan bagi syarikat-syarikat Bumiputera mempertingkatkan tahap prestasi mereka. Sungguhpun demikian, dalam dunia perniagaan soal persaingan ini tidak dapat dielakkan. Syarikat-syarikat Bumiputera perlulah mengambil perhatian yang wajar mengenai persaingan ini dan perlulah mempunyai semangat bersaing dengan bukan sahaja syarikat-syarikat Bumiputera tetapi syarikat-syarikat bukan Bumiputera.

TENAGA LETRIK MELALUI SEKAM PADI

18. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sejauh mana kejayaan projek printis menghasilkan tenaga letrik melalui sekam padi yang dijalankan di LPN Telok Kechai dan di LPN Jerlun, dan bagaimana projek ini dapat menguntungkan LPN.

Datin Paduka Rafidah Aziz: Dua projek printis janaelektrik yang menggunakan sekam padi sebagai bahan api telah dijalankan oleh LPN dengan kerjasama LLN di kompleks LPN Jerlun dan Kompleks LPN Telok Kechai, di Kedah. Janaelektrik di Jerlun telah memulakan operasi pada bulan Mac 1984 dan Janaelektrik di Telok Kechai pada bulan Mei, 1984 dengan keupayaan penjanaan 350 kw setiap satu.

Projek ini bertujuan untuk menjanakuasa elektrik bagi kegunaan

kedua-dua kompleks tersebut dan lebihnya dijual kepada LLN. Pada bulan November, 1984 sebanyak 117,920 unit tenaga letrik dari sekam padi telah dihasilkan oleh Janaelektrik Jerlun. Daripada jumlah di atas, sebanyak 53,690 unit telah dijual kepada LLN untuk kegunaan kampung-kampung di sekitar. Setiap kompleks LPN memerlukan bekalan tenaga elektrik sebanyak antara 600,000 hingga 1 juta unit setahun bergantung kepada jumlah padi yang diproses.

Sehingga bulan November 1984 projek janaelektrik Jerlun telah menghasilkan 58% kuasa elektrik daripada keupayaan projek manakala janaelektrik Telok Kechai hanya sebanyak 10%. Ada beberapa masalah teknikal yang perlu di atasi di dalam projek percubaan ini yang melibatkan 'steam recovery system,' dan masalah memasukan sekam ke dalam janakuasa. Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil oleh LLN untuk mengatasi masalah-masalah itu.

CUTI BERDAKWAH

19. Puan Habibah binti Abdul Ghani minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar terdapat pegawai Kerajaan yang bercuti sebulan ataupun lebih untuk pergi berdakwah di dalam negeri ataupun di luar negeri; jika benar, apakah kawalan terhadap perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohd. Khalil bin Yaakob): Mengikut peraturan sekarang tidak ada peraturan cuti bagi pegawai Kerajaan untuk berdakwah sama ada di dalam atau di luar negeri kecuali peruntukan cuti tanpa rekod untuk menghadiri kursus dakwah yang dianjurkan oleh Pusat Dakwah Islam, Jabatan Perdana Menteri. Oleh yang demikian, tidak benar dakwaan yang menyatakan bahawa terdapat pegawai-pegawai yang

bercuti sebulan atau lebih untuk berdakwah.

JAMBATAN PULAU PINANG — PEMBINAAN

20. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Kerjaraya menyatakan langkah Kerajaan terhadap Syarikat Hyundai Construction yang menjalankan pembinaan Jambatan Pulau Pinang di atas berlakunya satu peristiwa pada 21 Oktober 1984 yang mana sebahagian jambatan itu telah roboh dan berlakunya kemalangan.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat dan juga rakyat amnya bahawa adalah tidak benar untuk menyatakan bahawa sebahagian daripada Jambatan Pulau Pinang itu telah roboh pada 21 Oktober 1984. Apa yang berlaku pada hari itu ialah satu 'form work' atau satu rangka di atas tiang telah terjatuh dan kejatuhan ini telah menyebabkan kemalangan yang berkenaan itu. Saya sendiri telah melawat jambatan ini pada 14 Disember 1984 dan diberitahu tentang kejatuhan 'form work' ini. Walau bagaimanapun penyiasatan sedang dijalankan sekarang ini oleh pihak-pihak yang berkenaan dan adalah diharapkan bahawa laporan yang lengkap akan dapat disediakan untuk makluman semua pihak di minggu kedua atau ketiga bulan Januari 1985.

Apabila diketahui akan sebab-sebabnya kelak, maka barulah boleh diambil langkah-langkah yang sesuai, jika difikirkan perlu, terhadap Syarikat Hyundai Engineering & Construction Co. Ltd.

TARIAN BREAKDANCE

21. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian akan mengharamkan tarian "Breakdance" yang sedang menjadi-jadi di kalangan

muda mudi di negara ini, jika tidak nyatakan sebab-sebabnya.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Pertanyaan Yang Berhormat telah dijawab oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada 6.12.1984 iaitu semasa menjawab pertanyaan mulut dari YB. Datuk Haji Mohd Din bin Jaafar.

PENYALURAN GAS KE BANDAR-BANDAR

22. Dato' G. Pasamanickam minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyalurkan gas ke bandar-bandar besar di negara ini; jika ya, nyatakan bila akan dilaksanakan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Penyaluran gas ke bandar-bandar, sama ada yang kecil atau pun yang besar, bergantung kepada sama ada jumlah permintaan gas di bandar itu boleh menghasilkan keuntungan yang melebihi kos bagi menempatkan paip gas ke bandar tersebut. Memandangkan bahawa pada ketika ini hanya permintaan gas dari stesen-stesen janakuasa adalah yang paling tinggi, rancangan sekarang hanya tertumpu kepada penyaluran gas ke stesen-stesen janakuasa, termasuk stesen janakuasa di Singapura, sekiranya persetujuan dapat dicapai dengan pihak yang tertentu di Singapura. Dalam peringkat pertama Projek Penggunaan Gas Asli Semenanjung yang sedang dilaksanakan sekarang, gas asli akan hanya disalurkan di negeri Terengganu sahaja, khusus kepada stesen janakuasa LLN di Paka dan Kilang besi waja di Telok Kalong. Peringkat kedua pula pada mulanya melibatkan penyaluran gas asli ke stesen-stesen janakuasa yang utama di Pelabuhan Kelang, Port Dickson dan Pasir Gudang, dan seterusnya ke rumah-rumah dan industri-industri yang berdekatan dengan saluran paip gas asli tersebut. Seandainya semuanya berjalan dengan lancar, peringkat kedua projek

pembangunan gas tersebut akan siap menjelang tahun 1989.

PERLUMBAAN KERETA/MOTOSIKAL HARAM

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar minta menteri Dalam Negeri menyatakan hasil siasatan terhadap perlumbaan kereta dan motosikal haram baru-baru ini dan nyatakan siapa penganjurnya dan motif di sebalik perlumbaan tersebut.

Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad: Pihak Polis masih menjalankan siasatan terhadap perlumbaan kereta dan motosikal haram yang berlaku baru-baru ini. Penganjur dan motif di sebalik perlumbaan tersebut belum lagi dapat disahkan.

PRESTASI EKONOMI NEGARA

24. Toh Muda Dr . Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Kewangan menyatakan keadaan ekonomi negara bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Sebagai sebuah ekonomi terbuka, prestasi ekonomi negara dalam tempoh 5 tahun yang akan datang akan terus dipengaruhi oleh keadaan ekonomi rakan-rakan perdagangan utama Malaysia, terutamanya negara-negara perindustrian. Sekiranya ekonomi negara-negara perindustrian berkembang dengan pesat sudah tentu ini akan meningkatkan permintaan terhadap barangan eksport Malaysia. Pendapatan eksport dan pendapatan negara akan bertambah dan ini akan mempengaruhi aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri. Sebaliknya jika perkembangan ekonomi negara-negara perindustrian adalah lemah ekonomi negara juga akan menerima kesan yang sama.

Pada masa ini tidaklah dapat diketahui dengan tepat keadaan ekonomi antarabangsa dalam 5 tahun yang akan

datang. Ini adalah bergantung kepada dasar-dasar yang diikuti oleh negara-negara maju. Sekarang ini jika negara-negara maju khususnya Amerika Syarikat tidak mengambil tindakan untuk mengurangkan defisit Belanjawan mereka yang besar kadar faedah bank mungkin akan terus berada pada paras yang tinggi dan ini akan menjejaskan pelaburan baru dan seterusnya pertumbuhan ekonomi dan perdagangan dunia.

PROJEK BULAN KEBAJIKAN KEMAS

25. Puan Rokiah binti Zainuddin minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan samada Kementeriannya bercadang hendak memperkenalkan projek "Bulan Kebajikan KEMAS" sepanjang bulan Ramadan seperti yang dilancar oleh Jabatan KEMAS di Negeri Kedah ke seluruh negara memandangkan projek ini mengeratkan perpaduan dan memanaskan semangat gotong-royong yang kita pusakai dari Datuk nenek moyang kita dahulu.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Kementeriaan saya sememangnya bercadang untuk melaksanakan Projek Bulan Kebajikan KEMAS di seluruh negara. Pihak KEMAS telahpun merangka program dan strateginya bagi melaksanakan projek tersebut. Projek Bulan Kebajikan KEMAS yang telah dijalankan di Negeri Kedah baru-baru ini adalah merupakan "Projek Perintis" untuk meninjau sambutan masyarakat serta agensi-agensi Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela.

Daripada tinjauan dan makluman balas yang diterima, projek yang dijalankan di Kedah itu telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Oleh yang demikian, KEMAS akan menjadikan projek di Kedah ini sebagai asas untuk diperluaskan ke semua negeri di Malaysia. Insya Allah, pada tahun

1985 nanti projek Bulan Kebajikan KEMAS akan dijalankan di seluruh Negara. Bagaimanapun ianya tidak semestinya dijalankan dalam Bulan Ramadan sahaja malah negeri-negeri boleh mengatur sendiri tarikh-tarikhnya mengikut keesuaian.

SOGOSHOSHAS — PENUBUHAN

26. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan setakat ini adakah terdapat keuntungan atau kesan-kesan yang baik daripada tertubuhnya beberapa buah sogoshoshas beberapa tahun yang sudah dan apakah galakan-galakan yang telah diberi oleh Kerajaan bagi membantu badan-badan ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa jawapan kepada pertanyaan ini telahpun terjawab semasa YBM Menteri Perdagangan dan Perindustrian menjawab pertanyaan Y.B. Tuan Kee Yong Wee di Dewan yang mulia ini pada 10hb. Disember, 1984 yang lalu. Oleh itu, memandangkan pertanyaan dan jawapannya adalah sama, saya tidak bercadang untuk menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat itu.

SISA NUKLEAR DI PAPAN

27. Tuan K. Kumaran minta Perdana Menteri menyatakan:—

- (a) sama ada Kerajaan telah menerima laporan siasatan bebas oleh pakar-pakar antarabangsa berkenaan dengan sisa nuklear di Papan, Perak yang dilantik oleh "Papan Support Group";
- (b) sama ada pakar-pakar antarabangsa nuklear yang dilantik oleh kerajaan telah menyiapkan laporan siasatan mereka;

- (c) sama ada kedua-dua laporan siasatan ini bercanggah dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk memastikan keadaan begini tidak berulang lagi, dan apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah sisa nuklear di Papan itu.

Dato' Dr. James P. Ongkili: Perkara ini sedang diselesaikan oleh Kerajaan melalui usaha Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

KOMPLEKS LPN — KERUGIAN DIALAMI

28. Tuan Fadzil bin Mahmood minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada beliau sedar kerugian yang dialami oleh kompleks-kompleks LPN di negara ini adalah juga disebabkan oleh penyelewengan kakitangan yang bertugas di situ dan sama ada setakat ini tangkapan telah dibuat terhadap pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja yang terlibat dengan penyelewengan ini.

Datin Paduka Rafidah Aziz: LPN adalah merupakan sebuah badan Kerajaan yang mempunyai fungsi sosio-ekonomi, oleh yang demikian kejayaan dan kegagalan bukanlah semata-mata diukur dari segi jumlah keuntungan atau kerugian daripada operasi di kompleks-kompleks LPN tetapi diukur juga dari segi sumbangan dan keupayaannya menentukan bahawa harga padi adalah stabil dan berpatutan berbanding dengan harga dasar Kerajaan.

Kerugian yang dialami oleh kelompeks-kelompeks LPN bersabit dengan kegiatan di dalam pemasaran padi bukanlah berpunca daripada penyelewengan kakitangan di kompleks. Kerugian dari operasi kompleks LPN adalah disebabkan oleh faktor-faktor lain, terutamanya dari peranan LPN

sebagai "buyer of last resort", di mana LPN terpaksa membeli semua jenis dan mutu padi yang dibawa oleh petani-petani. Pada masa-masa tertentu, LPN terpaksa membeli padi melebihi keupayaannya dan menyebabkan padi tersebut jatuh mutu akibat lambat diproses. Walau bagaimanapun adalah penting prestasi setiap kompleks dikawal dan ditentukan pada tahap yang memuaskan. Ke arah mencapai matlamat ini, semenjak Januari 1983, LPN telah mengadakan satu pendekatan baru dalam kawalan kos operasi. Dalam sistem ini, setiap kompleks mempunyai perakaunannya sendiri dan setiap pengurus kompleks bertanggungjawab terhadap setiap ringgit yang dibelanjakan. Hasil daripada kawalan mengikut sistem baru ini kos operasi kompleks di beberapa kawasan telah dapat dikurangkan seperti berikut:—

Jadual: Pengurangan kos memproses padi di kompleks (\$/tan metrik)

Kawasan	1983	1984	% pengurangan
Kedah/ Perlis	946	924	2.3
Selangor	950	873	8.1
Kelantan/ Terengganu	964	820	14.9

Sistem kawalan ini juga telah dapat mengenalpasti faktor-faktor kos yang menyebabkan kos operasi kompleks yang tinggi. Faktor-faktor ini ialah upah buruh termasuk bayaran lebih masa dan kos pengendalian padi.

Di samping itu, LPN juga mempunyai beberapa sistem kawalan lain iaitu melalui sistem perakaunan, sistem kawalan stok, sistem pemasaran, peraturan-peraturan tertentu mengenai sesuatu kerja kawalan audit dalam dan luar. Sistem kawalan ini akan dapat mengesan dengan segera serta mengawal sebarang penyelewengan sekiranya berlaku di kompleks-kompleks. Sehingga ini tidak ada pegawai dan kakitangan yang telah ditangkap kerana terlibat dengan penyelewengan di kompleks sehingga menyebabkan kerugian.

SKIM PINJAMAN KEPADA PETANI/NELAYAN

29. **Tuan Kee Yong Wee** minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada permohonan skim pinjaman kecil kepada para petani dan nelayan miskin yang dilaksanakan oleh Bank Pertanian Malaysia terbuka untuk dipohon oleh semua kaum, jika ya, nyatakan angka-angka penerima-penerima mengikut kaum sejak skim tersebut dilaksanakan.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Sebenarnya kemudahan pinjaman Bank Pertanian Malaysia (BPM) sama ada kecil atau besar adalah terbuka untuk dipohon semua kaum. Di dalam menyediakan kemudahan-kemudahan ini, BPM adalah memberi keutamaan kepada keperluan petani-petani dan nelayan-nelayan miskin. Untuk memberi perhatian yang lebih kepada golongan ini Bank Pertanian Malaysia telah melancarkan satu skim pinjaman khas di mana pinjaman-pinjaman adalah diberi tanpa faedah untuk mereka mulai tahun 1981. Bilangan penerima-penerima skim ini dari Januari 1981 hingga Julai 1984 adalah seperti berikut:—

Januari 1981 hingga Julai 1984

	Bilangan	Nilai
Bumiputera	123,477	\$128,892,000
Bukan		
Bumiputera	802	1,919,000
Agen Kerajaan	4	969,000
Koperasi	3	103,000
Jumlah	<u>124,286</u>	<u>\$131,883,000</u>

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG INDUSTRI BERASAS KAYU (KEKUASAAN BADAN PERUNDANGAN NEGERI)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah,

“Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.”
(17hb Disember, 1984).

3.34 *ptg.*

Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyambung perbincangan yang semalam tidak dapat dihabiskan. Saya tidak berhajat untuk mengambil perbincangan yang begitu lama bagi membolehkan Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 akan diluluskan pada hari ini.

Sebagaimana telah maklum semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama telahpun menerangkan dengan lebih jelas di atas dasar-dasar dan juga undang-undang Akta Industri Berasas Kayu ini. Dalam ulasan Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyatakan oleh kerana memandangkan usaha-usaha ini, industri-industri ini juga akan mendapat ataupun melebihi pekerja-pekerja dan mengelakkan pengangguran di dalam bandar dan seterusnya supaya dapat pekerjaan di industri-industri perkilangan yang mana telahpun dinyatakan di sini yang banyak, iaitu kilang kayu, kilang kotak, kilang kayu kumai, kilang lantai parquet dan sebagainya yang mana telahpun dinyatakan di sini.

Sungguhpun telah dinyatakan di sini, saya berharap supaya industri-industri ini yang sekarang ini industri-industri ini terletak di dalam pekan-pekan dan begitu juga dalam kawasan-kawasan perumahan, umpamanya di Petaling Jaya dan juga di kawasan-kawasan yang baru dan begitu juga kadangkala kilang-kilang papan ini terletak di kawasan-kawasan di belakang rumah dan begitu juga di kampung-kampung yang telah lalu yang mana lesen-lesen ataupun permit-permit mereka telah dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri, sebagaimana yang telah diterangkan dengan tidak ada pengawasan yang rapi pada masa itu. Tetapi,

alhamdulillah, dengan keadaan adanya Akta ini supaya pengawasan, pengawalan perkara-perkara ini dapat diatasi bagi mengelakkan pencemaran udara dan seterusnya di kawasan-kawasan setempat. Ini berlaku kerana kilang-kilang kayu, kilang-kilang papan sebagaimana kita katakan memang mengeluarkan habuk dan seterusnya dan inilah kadangkala menjadikan satu masalah oleh penduduk-penduduk setempat membuat bantahan dan seterusnya kadangkala Kerajaan Pusat dan Negeri tidak dapat membuat apa-apa kerana hendak dipindahkan mereka itu terpaksa Kerajaan mengeluarkan, hendak minta duit pampasan daripada Kerajaan dan juga mereka itu meminta pihak Kerajaan mencari tempat untuk menggantikan tempat-tempat mereka yang akan dipindahkan.

Kita berterima kasih baru-baru ini pandangan telahpun diberi oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan yang mana kilang-kilang papan dan juga kilang-kilang yang lain di Kuala Lumpur ini yang mengeluarkan asap dan juga kekotoran pencemaran alam supaya mereka dipindahkan jauh daripada kawasan Kuala Lumpur. Oleh itu, dalam masalah ini kita berharap juga negeri-negeri yang lain supaya tidak mengeluarkan lagi permit-permit ataupun lesen-lesen yang mana mereka ini hendak mengadakan kilang-kilang dan seterusnya di kawasan-kawasan perumahan yang ada sekarang ini.

Kita berharap cadangan Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan saya rasa ini cadangan yang begitu baik kerana kita tidak mahulah masalah kecemaran ini berlaku sedangkan kita di Kuala Lumpur ataupun di pekan-pekan besar ini begitu banyak pencemaran alamnya kita dapati, umpamanya kenderaan yang begitu berasap dan seterusnya, begitu juga laluan lori-lori yang membawa barang-barang yang berbau, yang tidak enak dan bermacam-macam lagi.

Oleh itu, dalam masalah ini dengan adanya Akta ini kita haraplah pihak-pihak Kerajaan Negeri supaya dapat betul-betul menumpukan, tidak lagi mengikutkan desakan-desakan daripada pihak kilang-kilang papan dan seterusnya kilang-kilang yang lain yang menggunakan industri kayu ini ada di kawasan-kawasan di dalam bandar, sebagaimana dikatakan dalam kilang-kilang yang ada. Begitu juga umpamanya kilang membuat mancis api, ini juga kalau diadakan di kawasan-kawasan perumahan, apa lagi kalau kita dengar sekarang ini, baru-baru ini gas di Terengganu, tak silap saya, telahpun mengakibatkan ada kematian dan juga di negeri-negeri luar juga baru-baru ini di India begitu banyak yang mati, meninggal dunia, oleh kerana ini tidak ada pengawasan kerana diadakan dalam kawasan-kawasan perumahan ataupun kediaman. Apabila berlaku perkara-perkara ini akan menyusahkan Kerajaan dan mengorbankan nyawa manusia yang begitu banyak. Oleh itu, dalam masalah ini saya berterima kasih di atas Rang Undang-undang yang ada dijalankan ini.

Di samping itu juga seperti kekotoran yang berlaku, kalau kilang-kilang umpamanya paritnya akan tersekat atau asap-asap yang begitu banyak di samping itu juga bising dengan mesin dan seterusnya kalau diadakan dalam kawasan-kawasan perumahan. Pendek kata dalam hal ini saya berterima kasih dan bersama-sama menyokong di dalam Rang Undang-undang ini lebih-lebih lagi pihak Kerajaan semalam juga telahpun meluluskan Akta Perhutanan Negara 1984 yang mana kayu sebagaimana yang dikatakan balak-balak dan seterusnya ini mendatangkan hasil yang begitu banyak untuk mendapatkan hasil dalam negara kita ini. Dengan adanya kedua-dua Akta ini iaitu semalam Akta Perhutanan Negara dan juga pada hari ini Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) yang mana ini agak saya selaras dan kita harap dapat

dijalankan dengan baik bagi mengelakkan masalah-masalah yang saya sebutkan tadi.

Dengan ini Tuan Yang Dipertua, saya menyokong di atas Rang Undang-undang ini supaya diluluskan.

3.42 ptg.

Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan: Tuan Yang Dipertua, terima kasih kerana telah membenarkan saya untuk turut serta membahaskan Rang Undang-undang berkenaan dengan Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri).

Tuan Yang Dipertua, dalam masa yang pendek yang ada pada saya bagi membahaskan Rang Undang-undang ini selain daripada menyokong agar Rang Undang-undang ini dapat diterima oleh kita semua, saya ingin mengambil masa sedikit untuk menyarankan kepada Menteri yang berkenaan agar dapat penjelasan-penjelasan yang lebih dalam dan jelas lagi serta juga mengesyorkan komen-komen serta cadangan yang mungkin boleh dapat ditimbangkan oleh pihak Menteri dan Kerajaan dan justeru itu dapat diberi jawapan yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, sememangnya kita percaya hasrat Kerajaan menggubalkan ataupun memindahkan Rang Undang-undang ini untuk menggalakkan agar industri yang menggunakan kayu ataupun dengan izin, wood base industry dapat digalakkan dengan lebih pesat lagi di negeri-negeri, itu sebab kuasa penuh diberikan kepada Badan Perundangan Negeri untuk melulus dan mengendalikan penubuhan industri-industri tersebut di peringkat negeri.

Kita tahu bahawasanya setakat ini memang kecil sekalipun jumlah industri-industri yang melibatkan diri di peringkat kedua dan ketiga bagi memproseskan kayu-kayan yang banyak terdapat di

negara kita ini dan ini menjadi satu tandatanya yang begitu hebat kepada kita mengapa boleh terjadi sedemikian. Pada pendapat saya pihak Kerajaan kurang memberi incentive ataupun galakan kepada industri-industri yang peringkat kedua dan ketiga ini untuk wujud, untuk subur, untuk dipertingkatkan agar kita boleh muncul sebagai sebuah negara yang banyak menghasilkan bahan-bahan siap berasaskan kayu. Saya mintalah kalau boleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu dan menjelaskan kepada kita di Dewan yang mulia ini setelah dan selepas diluluskan Rang Undang-undang ini dan diberi kuasa kepada pihak negeri apakah insentif-insentif ataupun galakan-galakan yang boleh diberi baik daripada Kerajaan Pusat mahupun daripada Kerajaan Negeri bagi menentukan yang pengusaha-pengusaha ataupun pengilang-pengilang akan tampil ke hadapan dengan hebat sekali bagi mewujudkan lebih banyak lagi industri-industri peringkat kedua dan ketiga yang berasas kayu. Ini yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, walaupun kita menyokong penuh pihak Kerajaan Pusat menyerahkan kepada Kerajaan Negeri mengendalikan industri-industri yang tersebut tadi kita ingin soal juga tentang tidakkah ini akan mengakibatkan dan menimbulkan banyak pertindihan (overlapping) ataupun mungkin ada pertubuhan-pertubuhan industri berasaskan kayu ini diwujudkan tanpa teratur, tanpa perancangan yang teliti dan mungkin menyebabkan ada pula masalah berlebihan industri-industri mengeluarkan bahan-bahan yang sama dan mungkin ini akan melemahkan balik ekonomi negara dan menyebabkan berbagai masalah daripada segi viabilitinya, dengan izin, maka pada hemat saya selain daripada Kerajaan Pusat memberi kuasa penuh kepada negeri untuk mengendalikan industri-industri yang berkenaan, pihak Kerajaan Pusat

terpaksa juga dan perlu mengadakan suatu pelan induk (master plan) untuk menentukan tiap-tiap negeri itu hanya atau cuma mengendalikan bidang-bidang industri yang tertentu yang mana mungkin hasil kayu-kayan daripada negeri itu lebih banyak, lebih baik kalau dibandingkan dengan negeri-negeri lain. Kalau tidak saya khuatir sekali agar satu keadaan akan tiba yang mana akan timbulkan berbagai-bagai rupa bentuk industri kayu-kayan dan ini akan sama bersaing di antara satu sama lain dan akhirnya semuanya akan mengalami kerugian dan mungkin bebanan kepada Kerajaan timbul pula walaupun hasrat Kerajaan Pusat untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang sihat dalam bidang industri berasas kayu.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam membentangkan Rang Undang-undang ini mengatakan bahawasanya apabila terserah kepada negeri tentang pengendalian urusan industri kayu ini maka masalah pencemaran dapat dibendung, dapat dikawal dengan lebih baik lagi. Tetapi pada hemat saya peringkat negeri kurang ada pakar ataupun ada jabatan yang khusus bagi mengkaji dan melihat dan mengawal tentang masalah pencemaran alam sekitar. Ianya biasanya terpaksa dirujuk kepada Kerajaan Pusat ataupun Kementerian yang berkenaan. Maka sekiranya pihak Kerajaan Pusat semata-mata menyerahkan peringkat negeri sahaja menentukan tempat, cara dan rupa bentuk industri-industri yang bakal dibina di negeri-negeri yang tertentu ini tanpa pakar-pakar berkenaan dengan pencemaran ini ada di peringkat negeri maka masalah pencemaran ini bukan lebih baik, pada pendapat saya, mungkin lebih teruk lagi oleh kerana kita semua sedia maklum bidang pencemaran ini memerlukan pakar yang tertentu, yang berpengalaman yang pada ketika ini, pada hemat saya, belum ada di peringkat negeri.

Yang keempat, Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin menyarankan kepada

Menteri yang berkenaan dan kepada Kerajaan tentang Malaysia iaitu negara kita ini yang begitu boleh dikatakan terkenal juga dengan hasil kayu-kayannya seperti juga dengan hasil bijih timah, kelapa sawit, koko dan sebagainya juga getah asli, tetapi dalam bidang kayu-kayan kita belum lagi nampaknya dapat menjadi suatu negara yang boleh dikatakan terutama ataupun kehadapan daripada segi kajian ataupun mutu pengeluaran kayu-kayan yang datang daripada negara kita ini.

Tidak seperti setengah-setengah hasil, contohnya kita megah dan kita bersyukur Malaysia terkenal dengan RRInya (Rubber Research Institute) berkenaan dengan kajian penyelidikan getah dan juga kita termasyhor dan merupakan satu badan ataupun negara yang teragung yang terhadapan sekali dari segi penyelidikan berkenaan dengan kelapa sawit melalui POREM maka tidakkah Kerajaan berhasrat untuk mewujudkan satu badan penyelidik kayu kayan agar negara kita akan dapat muncul pul sebagai sebuah negara yang terdepan sekali, yang terbijak sekali, yang tercerdik sekali, yang teralim sekali dalam bidang teknologi dan penyelidikan kayu kayan.

Setakat ini kita tidak nampak Lembaga Kayu Malaysia, menjalankan prestasi ataupun pandangan yang begitu menggalakkan hinggakan ramai di antara kita kurang pasti ataupun kurang tahu apakah sebenarnya peranan Lembaga yang tersebut. Maka saya berharaplah kepada Kementerian yang berkenaan ini agar berusaha dengan bersungguh-sungguh agar suatu badan penyelidikan berkenaan dengan kayu kayan dapat diwujudkan serta merta agar hasil yang banyak yang ada daripada hutan rimba yang banyak menghasilkan kayu kayan ini dapat dipergunakan dengan sebaik-baiknya oleh kerana saya percaya sangat kalau ada teknologinya, penyelidikan, setiap jenis kayu yang ada di hutan belantara kita ini dapat dipergunakan untuk diwujudkan dibuat sebagai asas

ataupun raw material kepada bahan-bahan sudah siap yang boleh menghasilkan banyak sumber kewangan sebagai added value kepada bahan-bahan kayu kayan yang ada di negara kita ini.

Dan ini ada kaitannya dengan perkara yang kelima yang ingin saya bangkitkan di sini ialah berkenaan dengan marketing ataupun pemasaran kayu kayan daripada negara kita ini. Dan saya berpendapat kurang agresif ataupun kurang berkesan kalau dibandingkan dengan negara-negara yang lain. Kita kurang memperkenalkan dan kurang mempromotekan jenis-jenis kayu yang ada di negara kita ini dan ini telahpun menghasilkan ataupun menjadikan satu keadaan yang mana dunia umum kurang minat untuk membeli kayu kita.

Saya yakin dan saya percaya kayu yang ada di negara kita ini kekal walaupun kita setaraf, sebaik kayu-kayu yang datang daripada negara lain ianya boleh menjadi lebih baik, lebih tinggi mutunya kalau kita benar-benar mengenalinya dengan betul-betul dan seterusnya lepas itu memperkenalkan dan mempromotekan kayu kayan kita ini ke dunia bebas.

Ini memerlukan kajian juga sebab tadi saya menyarankan supaya satu badan penyelidikan kayu kayan perlu diwujudkan dan dengan adanya badan yang sedemikian ini dapatlah mereka mengkaji dan mengenalpasti kayu kayan yang sedia ada yang berbagai jenis wujud dapat diperkenalkan dan seterusnya dipromote ke dunia bebas agar kita dapat market share, dengan izin, yang lebih baik daripada dunia luar.

Di sini juga daripada segi marketing saya ingin menyarankan juga kepada Menteri yang berkenaan tentang cara kita ini menentukan harga kayu kayan yang dikeluarkan oleh negara kita oleh kerana akhir-akhir ini kita dapat tahu

bahawasanya banyak syarikat-syarikat yang mengeksport kayu kayan daripada negara kita ini telah gagal mendapatkan pasaran kerana mendapat tentangan yang hebat daripada negara jiran terutamanya Indonesia, oleh kerana negara yang demikian kononnya dapat menjual kayu kayan mereka dengan harga yang lebih rendah sekali. Ini juga saya nampak satu kelemahan daripada pihak kita yang mana negara Indonesia dan kita tidak berapa banyak bezanya daripada segi kayu kayan, daripada segi keadaan pembayaran kepada buruh ataupun cara-cara kita mengendalikan, mengeluarkan bahan-bahan kayu kayan ini tidak berapa banyak bezanya daripada kos, mengapa pula kita tidak dapat bersaing ataupun bertanding dengan negara Indonesia agar dapat kita bersama-sama juga menjualkan hasil kita dan menandingi ataupun melawani eksport daripada negara jiran kita itu.

Itulah sebab suatu badan marketing dan penyelidikan perlu dan penting sekali bagi kita menentukan yang hasil daripada negara kita ini tetap mendapat pasaran, tetap mendapat tempat agar kita akan dapat muncul sebagai sebuah negara yang termaju, terjaya daripada segi kayu kayan.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyatakan bahawasanya kita masih lagi mungkin kurang berpengalaman ataupun kurang mempunyai teknologi yang mendalam, yang tinggi dalam segi untuk kita berusaha mewujudkan bahan-bahan siap di peringkat kedua dan ketiga daripada industri kayu kayan yang sedang kita bincangkan pada hari ini. Kita tahu bahawasanya banyak negara-negara yang lebih maju daripada segi ini seperti Denmark, Sweden, Italy, Jepun dan Korea. Dan di sini perlulah pihak Kerajaan dan pihak swasta bersama-sama dengan negara-negara yang berkenaan ini berganding bahu dan mewujudkan syarikat-syarikat usahasama bagi kedua-dua pihak ini

berganding bahu menyatukan kekuatan masing-masing dan mewujudkan satu suasana agar terwujudlah satu keadaan yang mana kita boleh muncul sebagai satu negara yang dapat mengeluarkan hasil-hasil perabot dan sebagainya yang sudah siap, yang bermutu tinggi yang dapat tempat di pasaran dunia bebas.

Dan di sini kita harap pihak Kerajaan bagi industri kayu kayan khususnya agak memberi suatu galakan yang lebih kalau dibandingkan dengan industri-industri lain kepada syarikat-syarikat usahama di antara Kerajaan Malaysia, syarikat-syarikat Malaysia dengan syarikat-syarikat negara yang termaju tadi agar dapat kita mempercepatkan lagi dan menggalakkan dengan lebih pesat lagi negara-negara yang maju dalam bidang kayu kayan ini supaya melabur dan sanggup datang kemari mengusahakan industri-industri berasaskan kayu kayan untuk kita mengeluarkan hasil-hasil yang sudah siap untuk pula kita bertanding di dunia luar sebagai sebuah negara pengeksporth bahan-bahan yang sudah siap.

Saya percaya, Tuan Yang Dipertua, banyak pengusaha-pengusaha luar yang sanggup datang kemari oleh kerana kita banyak bahan-bahan kayu kayan yang sedia ada tetapi masih lagi banyak terdapat berbagai-bagai masalah "constraint", dengan izin, dan juga berbagai-bagai halangan yang sedia ada yang kalau tidak dapat Kerajaan memberi sedikit sebanyak kelonggaran kepada syarat-syarat yang ada kepada negara kita ini, saya percaya industri kayu kayan ini mungkin susah hendak "take-off" dengan izin, dan susah pula bagi negara kita untuk mewujudkan satu keadaan yang mana kita boleh menjadi sebuah negara yang benar-benar ulung dan maju dalam bidang industri kayu kayan.

Tuan Yang Dipertua, itu sahajalah pendapat saya lima enam perkara dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan saya pohon menyokongnya. Sekian, terima kasih.

4.00 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, saya ucapkan terima kasih memberi peluang kepada saya untuk bercakap dan menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasaskan kayu. Saya cuba untuk meringkaskan ucapan saya dan di sini saya ucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan yang dapat menyediakan Akta ini kerana saya dapati dalam Akta ini berbagai-bagai industri kayu yang telah dipaparkan di sini seperti kilang papan bergerak, kilang papan lapis, kilang mancis dan sebagainya.

Ini adalah satu perkara yang patut kita beri pujian kepada Menteri berkenaan kerana negara kita adalah sebuah negara boleh dikatakan mengeluarkan banyak kayu kayan pada hari ini dan kebelakangan ini kita hanya mengeksporth kayu-kayu kita ke luar negeri dan kita tidak menggunakan sepenuhnya untuk kita memproses dalam negara kita sendiri. Jadi ini sedikit sebanyak merugikan wang negara kita. Kita eksport benda-benda ini dan akhirnya barang-barang siap akan dibawa balik, diimport ke negara kita dan kita beli pula benda itu.

Jadi, sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Kementerian yang berkenaan telahpun sedar bahawa telah sampai masanya untuk kita membuat satu Akta supaya memberi peluang kepada negeri-negeri untuk meluluskan pengendalian industri-industri berasas kayu.

Tuan Yang Dipertua, saya berharap pada satu masa nanti pihak Kerajaan juga akan membuat satu Akta lagi berkenaan dengan industri-industri yang berasaskan getah pula kerana kita adalah sebuah negara yang banyak mengeluarkan getah. Jadi pada satu

masa nanti, saya berharap Kerajaan akan mengadakan satu Akta berkenaan industri yang berasaskan getah. Ini adalah industri berasaskan kayu, rotan dan sebagainya.

Di sini cuma saya ingin untuk mengesyorkan kepada pihak Kementerian, apabila Rang Undang-undang ini diluluskan dan dapat persetujuan daripada pihak Kerajaan-kerajaan Negeri, kita berharap kilang-kilang ini jangan sahaja didirikan di bandar-bandar sahaja. Diharapkan akan dapat kilang-kilang ataupun industri-industri ini dapat didirikan di luar-luar bandar ataupun di pinggir-pinggir bandar, jangan hanya didirikan di bandar-bandar. Kerana dengan adanya kilang-kilang itu maka dapat penduduk-penduduk ataupun belia-belie di luar bandar dapat menikmati pekerjaan. Di sini tak payah lagi belia-belie akan berhijrah ke bandar-bandar dan apabila belia-belie dan beliawanis berhijrah ke bandar, maka timbul pula masalah-masalah yang lain. Jadi kita berharap walaupun tidak seratus peratus, kita berharap kilang-kilang yang berasaskan kayu ini akan dapat didirikan di luar bandar ataupun di pinggir-pinggir bandar ataupun di pekan-pekan kecil bukan sahaja di bandar-bandar besar. Inilah harapan saya.

Dan satu lagi apabila kilang-kilang berasaskan kayu ini dapat mengeluarkan barang-barang berasaskan kayu daripada negara kita ini, maka pihak Kerajaan mesti menggalakkan rakyat negara kita ini menggunakan alat-alat ini. Kalau kita mengeluarkan lesen kepada industri-industri berasaskan kayu ini tetapi kita membenarkan alat-alat yang sama yang ada di negara kita ini diimport daripada luar negeri, maka saya rasa harapan Kerajaan untuk memperbanyakkan lagi kilang-kilang berasaskan kayu ini tidak dapat dijalankan.

Pada masa sekarang ini industri batik, saya beri sebagai contoh, jadi batik yang diusahakan di negeri

Terengganu dan Kelantan tetapi banyak juga batik-batik yang diimport daripada negara lain, maka perusahaan batik di negara kita ini akan terjejas. Jadi kita tak mahu berulang lagi dengan perusahaan kayu ini seperti perusahaan batik yang dialami oleh pembatik di Terengganu dan Kelantan pada hari ini. Sekali lagi saya berharap kepada pihak Kerajaan supaya menggalakkan rakyat negara kita ini menggunakan alat-alat ataupun barang-barang siap yang diperbuat daripada kayu ini di negeri kita supaya mereka ini dapat membeli barang-barang kita sendiri dan kita menyekat sedikit sebanyak, walaupun tidak seratus peratus alat-alat seperti mana yang ada di negara kita ini diimport daripada luar negeri.

Satu lagi, Kerajaan patut memainkan peranan penting supaya barang-barang tersebut dapat dieksport ke luar negeri dengan memberi jaminan kepada pengusaha-pengusaha ataupun pihak swasta yang mengendalikan kilang-kilang ataupun industri kayu ini supaya hasil pengeluaran mereka itu dapat sambutan daripada luar negeri. Ini adalah peranan yang patut dimainkan oleh pihak Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa inilah perkara yang patut kita ingatkan supaya harapan kita tidak gagal di setengah jalan. Jadi sekali lagi saya berharap pihak Kerajaan Negeri akan dapat menerima Akta ini dan tidak akan menjadi masalah kepada negeri-negeri dan dengan ini kita berharap kayu kayan yang ada di negara kita ini tidak akan dipersia-siakan sahaja. Contohnya seperti industri kertas untuk membuat kertas, kilang pulpa dan kertas. Sekarang ini kayu-kayu ataupun reja-reja kayu kita tidak gunakan dan sekarang kalau kita dapat mendirikan kilang kertas atau kilang pulpa maka kita dapat gunakan kayu-kayu ataupun ranting-ranting kayu kita proses untuk jadi kertas dan pulpa. Ini menguntungkan negara kita sendiri dan

dengan ini dapat kita memberi peluang kepada belia-belia dan beliawanis untuk mendapat pekerjaan.

Setakat ini sahajalah dan saya berharap Akta ini akan mencapai kejayaan dan akan dapat negeri-negeri di seluruh Malaysia ini akan dapat bekerjasama dan dengan itu saya sekali lagi menyokong Akta ini.

4.08 ptg.

Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:

Tuan Yang Dipertua, saya bangun di Dewan yang mulia ini untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Akta untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri meluluskan undang-undang yang berkenaan dengan penubuhan dan pengendalian industri-industri berasaskan kayu.

Tuan Yang Dipertua, apabila kita membincangkan tentang industri berasaskan kepada kayu kayan, maka ini adalah sebenarnya satu industri yang sewajarnya dekat sekali kepada pengusaha-pengusaha kita tetapi apabila kita merujuk kepada fakta-fakta yang ada berkaitan dengan industri ini, maka kita adalah dalam keadaan yang agak meleset sekali apabila kita melihat industri itu secara terperinci. Kerana kalau kita melihat pada tahun 1983 hasil daripada perusahaan kayu dalam bentuk eksport, kalau kita lihat kayu balak yang kita eksport bernilai lebih kurang \$2,795 juta dan kayu yang digergaji bernilai \$1,221 juta pada tahun 1983 dan kalau kita campurkan kayu balak dan kayu yang digergaji nilai eksport adalah pada anggaran \$4 ribu juta. Dan \$4 ribu juta ini kalau kita bandingkan dengan keluaran kayu yang diproses sehingga menjadi barang-barang gunaan yang kita eksport adalah sebanyak \$492 juta. Jadi \$4 ribu juta dalam bentuk kayu balak dan kayu gergaji tetapi hanya sebanyak lebih kurang \$500 juta adalah eksport dalam bentuk kayu-kayu yang telah diproses sehingga menjadi bahan-bahan kegunaan keluarga yang menggunakannya.

Satu lagi fakta yang sepatutnya kita mengambil kira di dalam perbincangan mengenai industri berasaskan kayu ini ialah kita dapati bahawa kayu balak yang kita eksport pada tahun 1983, kita dapati bahawa Negeri Jepun mengimport sebanyak 64% daripada jumlah eksport kita, yang kemudian diikuti oleh Negeri Taiwan sebanyak 15% dan Negeri Korea sebanyak 15%. Itu adalah eksport kayu balak ke Negeri Jepun, Taiwan dan Korea. Dan negara yang mengimport kayu yang digergaji daripada Malaysia ialah:

- | | |
|----------------|-----|
| (1). Belanda | 29% |
| (2). Singapura | 19% |
| (3). Belgium | 7% |

Jadi, daripada dua jenis fakta yang telah saya sampaikan di sini maka satu rumusan yang ketara yang mudah kita dapatkan ialah bahawa dalam bidang industri perkayuan ketara sekali bahawa nilai tambahan yang mungkin dapat dirasakan oleh ekonomi kita dan masyarakat kita adalah begitu rendah sekali. Nilai tambahan ataupun value added, dengan izin, adalah begitu rendah sekali di dalam sektor ini. Mengenai nilai tambahan ini kita sedia maklum bahawa ia mempunyai implikasi yang banyak sama ada nilai tambahan itu akan dapat meningkatkan kita punya Keluaran Kasar Negara, memperbanyakkan lagi peluang pekerjaan untuk rakyat jelata, meningkatkan lagi kegunaan teknologi dan seterusnya untuk mengembangkan industri yang berkait seperti bank, insurans dan perkapalan.

Jadi, yang hendak saya tekankan di sini ialah apabila kita memperkatakan industri yang berasaskan kayu maka kita sekarang adalah dalam keadaan di mana kita kurang memproses bahan-bahan tersebut supaya mendapatkan faedah yang optima mungkin kepada masyarakat kita.

Selain daripada itu industri kayu juga menghadapi beberapa masalah.

Yang keduanya ialah kita dapati bahawa kalau sekiranya kita membandingkan harga balak makin lama makin menurun daripada tahun sembilan belas lapan puluhan hinggalah kepada hari ini kalau dibandingkan dengan harga-harga barang yang dibuat ataupun dikilangkan di negara-negara yang maju.

Perkara ketiga yang kita hadapi apabila membincangkan tentang industri yang berasaskan kayu di negara ini ialah adanya pertandingan yang makin berkesan daripada negara-negara yang berdekatan iaitu daripada Indonesia dan juga daripada New Guinea. Bahkan kalau kita lihat tandingan daripada Indonesia dalam bentuk kayu berlapis ataupun plywood, dengan izin, kita terpaksa melindungi industri tempatan kita dalam Belanjawan yang terakhir di mana kita terpaksa mengenakan tarif terhadap import plywood daripada negara luar supaya kita dapat melindungi industri plywood tempatan kita. Ada pendapat yang mengatakan bahawa plywood, kayu lapis daripada Indonesia adalah 20-30% lebih rendah jika dibandingkan dengan harga kayu lapis daripada negara kita.

Perkara yang keempat yang sepatut kita maklumi apabila membincangkan tentang industri berasaskan kayu ialah selain daripada Sabah dan Sarawak, kita menghadapi keadaan di mana makin lama makin kehabisan sumber-sumber kayu yang boleh digunakan untuk industri yang berasaskan kayu. Kalau sekiranya kita tidak mengambil tindakan sewajarnya untuk memastikan bahawa kita punya hutan terus dapat membekalkan kayu-kayu yang wajar untuk diproses maka kita akan menghadapi masalah yang lebih serius pada masa-masa yang akan datang.

Perkara kelima yang saya sebutkan di sini ialah kita dapati bahawa industri yang berasaskan kayu juga menghadapi masalah pada masa sekarang kerana

keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada keseluruhan. Selain daripada masalah kemelesetan ekonomi dunia, kita juga menghadapi masalah di mana oleh kerana kita kehabisan sumber-sumber kayu, kita juga terpaksa menghadkan sejauh mana konsesi-konsesi hutan itu dapat diberikan kepada mereka yang hendak mengusahakan kayu-kayan tersebut.

Dan perkara keenam yang saya hendak sebutkan di sini ialah selain daripada menghadapi masalah yang saya perkatakan tadi, saya ingin menekankan juga bahawa industri yang berasaskan kepada kayu-kayan adalah dalam keadaan yang, dengan izin, lethargic ataupun dalam Bahasa Malaysianya saya gunakan perkataan, dalam keadaan yang lesu dan juga dalam keadaan yang tidak teratur dan dalam keadaan di mana kita tidak ada tentu arah tujuan untuk industri tersebut. Inilah rumusan saya apabila kita melihat tentang industri yang berasaskan kayu. Industri yang lesu, industri yang tidak ada arah tujuannya dan industri yang tidak sistematik, yang tidak teratur.

Salah satu sebab yang penting mengapa saya mengatakan keadaannya adalah lesu, tidak teratur, tidak ada arah tujuan ialah struktur industri yang berasaskan kayu itu. Kita dapati bahawa kalau kita melihat industri tersebut daripada pangkalnya kepada yang terakhirnya, kita dapati bahawa sekarang ini pembalok-pembalok menghadapi masalah untuk mendapatkan konsesi hutan supaya dapat seterusnya membekalkan kayu-kayu yang dikehendaki oleh pasaran. Ini adalah satu masalah yang dikendalikan oleh pihak Kerajaan-kerajaan negeri.

Selain daripada pembalok-pembalok menghadapi masalah mempunyai konsesi hutan untuk dikerjakan, kita dapati bahawa banyak pengilang-pengilang kayu, kilang-kilang papan yang dalam keadaan di mana pada keseluruhannya

kita boleh katakan adanya kelebihan kapasiti di dalam sektor tersebut ataupun, dengan izin, adanya excess capacity di dalam kalangan saw millers ataupun pengilang-pengilang papan. Oleh kerana bekalan tidak datang maka kita akan menghadapi seperti kalau kita berjalan daripada Kuala Lumpur hingga Johore Bahru atau ke Pahang kita akan dapati bahawa kilang papan agak sunyi kerana bekalan balak tidak didapatkan daripada pembalok-pembalok. Apabila selepas kita melihat keadaan di mana adanya excess capacity ataupun kelebihan kapasiti di peringkat pengilang papan, kita kemudian melihat apa yang kita panggil industri yang membentuk kayu itu kepada satu barang yang kasar ataupun dalam istilah bahasa Inggerisnya ialah moulders industry, dengan izin, sekali lagi kita dapati kalau kita melihat keadaan industri ini kita dapati bahawa di Semenanjung Malaysia adalah sekali lagi kita menghadapi keadaan kapasiti yang berlebihan. Kalau kita merujuk ke negeri Sabah dan Sarawak mungkin keadaan itu masih lagi belum menjadi masalah kerana masih lagi ada hanya empat, lima moulding industry di negeri-negeri tersebut. Tetapi kalau kita lihat di Semenanjung ini maka kita akan lagi sekali membuat rumusan bahawa adanya kelebihan keupayaan di dalam peringkat industri tersebut. Lagi sekali apabila kita beralih daripada peringkat memproses kayu, kita akhirnya tiba diperingkat di mana kita akan mempunyai banyak eksport mereka yang bergiat di dalam bidang eksport ataupun dalam perniagaan kayu-kayan.

Sekali lagi, Tuan Yang Dipertua, kita hadapi keadaan di mana berlebihan dari segi mereka yang mempunyai lesen-lesen untuk mengeksport balak ataupun untuk berniaga dalam industri tersebut. Jadi, pada keseluruhannya kita boleh katakan struktur industri yang berasaskan kayu ini adalah terlalu berpecah belah ataupun dalam istilah yang digunakan ialah terlalu disintegrated, dengan izin. Jadi,

keupayaan untuk menghadapi keadaan yang meleset ini adalah terlalu kecil kalau kita lihat keupayaan itu berdasarkan kepada individu ataupun syarikat-syarikat yang dipunyai keupayaannya adalah kecil dibandingkan dengan jika sekiranya syarikat-syarikat ataupun individu-individu itu disatukan tenaga mereka. Selain daripada keadaan struktur industri tadi, saya ingin menyentuh tentang keadaan pasaran di peringkat antarabangsa.

Kita dapati bahawa sebahagian besar daripada kayu balak dieksport ke negara Jepun iaitu sebanyak 64% daripada kayu balak kita dibeli oleh negara Jepun. Saya mengatakan bahawa pasaran Jepun adalah begitu ketat kerana kita dapati bahawa adanya apa yang kita panggil tarif yang berkesan yang berdasarkan kepada makin tinggi tingkat kayu yang diproses maka makin tinggi cukai yang dikenakan terhadap eksport kita itu.

Di negara Jepun ini apa yang dipertahankan bukan sahaja industri-industri yang membuat bahan-bahan kegunaan keluarga di negara Jepun berdasarkan kepada kayu-kayu balak yang diimport tetapi mereka juga mempertahankan industri yang sekadar untuk memproses kayu balak sahaja. Ini adalah suatu masalah yang besar yang seharusnya kita pecah-pecahkan dan saya akan mencadangkan bagaimana serba sedikit dapat saya fikirkan bagaimana sepatutnya ekonomi ataupun pasaran negeri Jepun itu dapat kita dekati dengan sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua, selepas memberi satu gambaran mengenai industri yang berasaskan kayu di negara kita ini, saya mencadangkan supaya dipertimbangkan dua tiga perkara yang hendak saya sebutkan. Yang pertama, oleh kerana industri kayu ini adalah dalam keadaan seperti yang saya perkatakan tadi dan oleh kerana harapan kita adalah terlalu tinggi terhadap industri yang berasaskan kepada sumber kekayaan negara kita

maka saya percaya bahawa peruntukan perundangan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri itu hendaklah sentiasa disampingkan dengan keupayaan yang ada di peringkat Kerajaan Persekutuan. Saya percaya kalau sekiranya peruntukan perundangan di Kerajaan Negeri itu digunakan dengan sebaik-baiknya dan institusi yang ada di peringkat Kerajaan Pusat sama ada ianya adalah Lembaga Industri Kayu Kayan ataupun Kementerian Perusahaan Utama ataupun Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya percaya bahawa dalam jangka masa yang tertentu maka kita seharusnya dapat membetulkan industri yang saya katakan dalam keadaan yang lesu dan tidak ada arah tujuan ini. Itu adalah saranan saya yang pertama. Saya menyokong peruntukan perundangan atau diberi kepada Kerajaan Negeri tetapi ingin mencadangkan supaya kerjasama yang rapi di antara peringkat-peringkat Kerajaan dan institusi-institusi yang berkaitan dengan kayu kayan di negara kita ini.

Yang keduanya, ialah supaya kita membuat satu pendekatan, satu usaha untuk merasionalisasikan struktur industri kita, struktur industri berasaskan kepada kayu. Rasionalisasi saya percaya mungkin dapat dibuat dengan cara menintegrasikan industri tersebut. Saya percaya bahawa terlalu banyak pembalok, terlalu banyak kilang papan, terlalu banyak industri moulding dan terlalu banyak mereka yang diberi lesen untuk mengeksport. Kita telah tiba di mana sewajarnya kita cuba menintegrasikan mereka yang terlibat di peringkat mendata dan seterusnya menintegrasikan secara menegak. Saya harap supaya kalau kita melihat peringkat pengilang papan maka adakah kemungkinan untuk kita menyatukan tenaga di peringkat mengilang ataupun memproses kayu-kayu balok di peringkat kilang papan itu.

Satu lagi saranan yang mungkin dapat difikirkan oleh Kementerian yang berkenaan ialah supaya pihak Kerajaan Negeri memastikan bahawa peruntukan konsesi hutan itu akan sentiasa dapat dibekalkan kepada mereka yang betul-betul mengusahakan industri kayu-kayan. Kalau kita mengambil Kerajaan seperti di negeri Pahang kita mengharapkan supaya institusi yang sedia ada seperti ASPA itu bukan sahaja dapat dibekalkan dengan konsesi hutan supaya ianya sentiasa mendapat bekalan kayu-kayan tetapi ASPA sendiri akan terus menintegrasikan peringkat-peringkat menggunakan kayu-kayan sehinggalah mengimport bahan-bahan gunaannya supaya ASPA secara langsung dapat meningkatkan nilai tambahan dalam industri kayu-kayan sekurang-kurangnya di negeri Pahang.

Mengenai pasaran antarabangsa terutama sekali di negeri Jepun di mana kita dapati adanya menjadi import yang paling tinggi sekali, kita didapati bahawa ekonomi Jepun ataupun struktur ekonomi Jepun sentiasa berubah dari satu dekad kepada satu dekad yang lain. Menurut pandangan saya bahawa dalam keadaan yang ada sekarang ini negeri Jepun atau struktur negeri Jepun akan berubah ke arah di mana ianya akan menjadi lebih berintensifkan kepada teknologi yang lebih tinggi yang berasaskan kepada telecommunication atau berasaskan kepada komputer. Ini bermakna bahawa industri-industri yang menggunakan bahan-bahan yang dimport secara besar dalam bentuk yang fizikal terutama sekali industri-industri yang mengimport bahan-bahan mentah seperti kayu balok makin lama sewajarnya akan dikurangkan di dalam ekonomi negara Jepun. Ada pendapat yang mengatakan bahawa keadaan alam negeri Jepun tidak berupaya lagi untuk menampung jenis import bahan mentah yang menggunakan pelabuhannya ataupun warehousesnya dengan secara yang banyak kalau sekiranya kita

andaikan bahawa kayu balak tadi akan menggunakan kemudahan simpanan ataupun kemudahan pelabuhan secara meluas. Jadi, ini bermakna bahawa industri yang menggunakan kayu balak di negeri Jepun itu akan dialihkan kepada negara-negara lain. Ini adalah satu perubahan yang mungkin berlaku secara natural kerana perubahan struktur ekonomi sesebuah negara.

Saya menyarankan di sini bahawa telah tiba masanya untuk kita lebih agresif lagi untuk mengalihkan industri-industri yang hendak dikurangkan di ekonomi negeri Jepun supaya ianya menempati dengan keupayaan dan kemudahan yang ada di negara kita ini.

Akhir sekali, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyampaikan di sini tentang betapa pentingnya kita mendekati tentang industri yang berasaskan kayu ini dengan mengambil kira tentang sasaran pasaran kita. Apabila kita berupaya menguatkan daya pengeluaran kita dengan memastikan bahawa kita masukkan input-input yang berbentuk professional sama ada dari segi kewangan ataupun dari segi teknologi maka kita juga seharusnya mengambil kira tentang siapakah yang menjadi pengguna yang terakhir kepada bahan-bahan yang kita keluarkan. Masalah kita ialah kita masih lagi tidak tahu siapa yang sebenarnya menggunakan. Peniaga-peniaga kita ataupun traders kita hanya menghubungi ataupun mempunyai hubungan dengan peniaga-peniaga di sebelah Belanda sana ataupun di sebelah Jepun ataupun di sebelah Belgium. Kita tidak dapat memastikan siapakah akhirnya yang menggunakan bahan-bahan tersebut.

Kerana kalau kita lihat contoh, saya tidak bercadang untuk menyebutkan di sini. Kalau kita lihat satu projek usahasama yang berjaya di antara pengusaha industri yang berasaskan kayu di negara kita ini berusahasama dengan satu pelabur daripada Australia kita dapati bahawa pasaran untuk

keluaran usahasama itu sentiasa dipastikan di negara Australia.

(Timbalan Yang Dipertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Jadi kes ini adalah di mana usahasama tadi mengeluarkan pintu yang dikehendaki oleh pasaran Australia dan oleh kerana adanya kepastian dari segi pasaran tadi, maka tidak timbul masalah tentang sejauh mana industri yang didirikan di negara kita itu dapat berterusan mengusahakan ataupun menggunakan kayu-kayuan kita.

Tuan Yang Dipertua, berdasarkan kepada fakta-fakta yang telah dapat saya bantangkan tadi dan juga berdasarkan kepada pandangan dan saranan saya, saya harap perkara ini dapat dipertimbangkan oleh pihak Menteri yang berkenaan dan dengan itu juga saya dengan sukacitanya menyokong Akta tersebut. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Jaafar bin Harun.

4.31 ptg.

Tuan Jaafar bin Harun: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun mohon izin bercakap sepatah dua dalam masa beberapa minit telah kurang, mengambil bahagian dalam Rang Undang-undang yang bernama Suatu Akta Industri Berasas Kayu (Kekuasaan Badan Perundangan Negeri) 1984 yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri pada petang semalam.

Sebagaimana yang kita maklum, Tuan Yang Dipertua, industri berasas kayu ini mempunyai pengertian industri-industri yang menjalankan usaha memproses, mengawet atau mengering kayu, ataupun menukarkan kayu kepada berbagai-bagai keluaran ataupun berbagai-bagai benda dan barang-barang. Dalam Rang Undang-undang ini telah dinyatakan jenis-jenis kilang atau industri yang berasas kayu ini, setelah disenaraikan kita dapati

sebanyak 27 jenis industri yang dibahagi kepada 12 jenis industri yang besar-besar.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri yang berkenaan, khususnya kepada Menteri Perusahaan Utama kerana telah mengadakan Rang Undang-undang yang baru ini yang mana sebelum ini memanglah belum diwujudkan lagi undang-undang yang seperti ini. Dalam Rang Undang-undang ini, tidak banyak yang dapat saya perkatakan kerana Rang Undang-undang ini khusus menyentuh kepada industri-industri yang berasas kayu mengenai pengeluaran lesen dan lain-lain yang sehubungan dengannya.

Sebelum Rang Undang-undang ini ditubuhkan, belum ada undang-undang khusus berkenaan pengendalian industri-industri berasas kayu. Di dalam peraturan Enakmen Hutan Negeri yang lama mengenai semua perkilangan yang berasas industri kayu itu ialah disebut secara umum sahaja sebagai sebahagian daripada peraturan pentadbiran perhutanan keseluruhannya. Dalam peraturan hutan yang lama itu cuma ditekankan kepada industri kilang papan dan kilang perabot sahaja, tidak mengambil kira jenis-jenis industri bahan kayu yang lebih moden seperti yang disenaraikan dalam Rang Undang-undang ini.

Jadi, ini bermakna Kerajaan kita telah mewujudkan dua jenis peraturan atau undang-undang mengenai sektor perhutanan negara kita ini, iaitu Akta Perhutanan Negara yang baru diluluskan terdahulu daripada ini dan Rang Undang-undang Industri Berasas Kayu. Dengan adanya dua jenis undang-undang ini, maka dapatlah Kerajaan-kerajaan Negeri mengawal dan mengendalikan perkembangan industri perhutanan ini dengan lebih berkesan terutama dari segi perancangan, pertumbuhan, perkembangan industri bukan sahaja pada peringkat utama

(primary processing), tetapi yang lebih ditekankan ialah pemerosesan di peringkat lanjutan.

Dengan itu, Kerajaan kita secara langsung akan menggalak dan menekankan kilang-kilang yang berasaskan kayu ini dapat mengeluarkan bahan-bahan siap yang lebih tinggi mutu dan nilainya, terutamanya untuk dieksport. Di samping itu juga Kerajaan akan dapat mencapai dasar untuk memperluaskan penggunaan bahan-bahan kayu dan mengurangkan pembaziran sama ada di hutan ataupun di kilang-kilang seperti sekarang ini yang masih banyak berlaku. Pembaziran bahan-bahan yang penting ini tentulah merugikan bukan sahaja kepada pengusaha-pengusaha kayu-kayan, tetapi juga kepada Kerajaan dan negara kita.

Dengan adanya pengurangan pembaziran bahan-bahan mentah ini, maka dapatlah kita mengurangkan tekanan ke atas kawasan membalak kerana keluasan kawasan Hutan Simpan Kekal di negara kita ini adalah terhad di mana kita akan mengalami kegentingan bekalan bahan kayu di masa akan datang. Dengan adanya beberapa pertumbuhan kilang-kilang proses lanjutan ini, maka dengan sendirinya Kerajaan kita secara tidak langsung menggalakkan peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat negara kita ini, sama ada pekerja-pekerja mahir dan separuh mahir, dan dengan itu secara tidak langsung juga dapat diselaraskan dengan Dasar Perindustrian negara kita.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, setelah Rang Undang-undang ini diluluskan, maka Kerajaan-kerajaan Negeri tentulah akan menggubal undang-undang yang berasaskan kayu di negeri masing-masing secara yang seragam dengan semua negeri di Semenanjung Malaysia kita ini. Walaupun demikian, Tuan Yang Dipertua, tentulah selama ini beberapa kilang-kilang atau industri-

industri yang berasas kayu ini telah juga wujud dan menjalankan perusahaan-perusahaan seperti yang tercatat dalam Rang Undang-undang ini di Fasal 2 (Tafsiran) dan di mukasurat 6, Seksyen 3 (1) — Industri Berasas Kayu.

Oleh itu, saya sukalah mendapat penjelasan daripada Menteri yang berkenaan akan bilangan iaitu berapa banyakkah industri-industri berasas kayu ini yang telah tumbuh dan diberikan lesen menjalankan perniagaan di negara kita ini hingga ke masa ini. Dan bagaimanakah keadaan prestasinya industri-industri itu menjalankan perniagaannya, adakah membawa berkembang maju ataupun sebaliknya.

Sehubungan dengan itu juga, Tuan Yang Dipertua, saya suka juga mendapat tahu adakah pula pemohon-pemohon baru yang dalam perhatian atau pertimbangan Kerajaan kita untuk diluluskan, kerana dengan pertumbuhan industri yang berasas kayu ini, maka ini sebahagian lagi dari dasar-dasar Kerajaan kita untuk mempertingkatkan ekonomi rakyat sesuai dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kita.

Tuan Yang Dipertua, dengan sedikit sebanyak pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom.

4.38 ptg.

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom: Tuan Yang Dipertua, saya turut serta bangun membahaskan Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang untuk memberi kuasa kepada Badan Perundangan Negeri mengenai dengan industri-industri berasas kayu.

Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain yang telah menyebut beberapa perkara mengenai dengan hal ini, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyebutkan satu dua perkara yang ada hubung kaitnya dengan penghidupan dan keharmonian masyarakat serta konsep kejiranan kita mengenai dengan kilang-kilang yang ada disebutkan di dalam Rang Undang-undang ini.

Tuan Yang Dipertua, kita masih selalu terdengar adanya kilang-kilang haram. Jika sekiranya masih wujud kilang-kilang haram daripada industri yang berasaskan kayu ini, mengapa Kerajaan tidak mencari jalan untuk menghalalkan kilang-kilang itu kerana apabila dihalalkan, dapatlah dikawal dan sekurang-kurangnya Kerajaan akan mendapat keuntungan daripada cukai yang dapat dikutip daripada kilang-kilang haram itu.

Yang kedua, adakah Kerajaan menyedari bahawa daripada kilang-kilang haram daripada industri yang berasas kayu ini, ada menggunakan pekerja-pekerja yang didatangkan daripada luar dengan tiada ada perlindungan sebagai hak buruh rakyat kita Malaysia dan beberapa kejadian telahpun berlaku di antara pekerja-pekerja kilang haram itu dengan penduduk setempat. Jika sekiranya Kerajaan menyedari ini, maka sepatutnya Kerajaan mencari jalan supaya menyelesaikan hal itu supaya tidak berterusan.

Selain daripada itu, pembangunan yang pesat di seluruh negara baik bandar ataupun pekan dan juga kawasan perumahan sekarang ini di mana sahaja kita pergi di kawasan perumahan dan pekan-pekan kecil, kadang-kadang pandangan kita akan terlihat papan-papan dan kayu beluti yang dijemur di tepi-tepi jalan melindungi pandangan kita untuk menyelesaikan kita untuk memandu dan kadang-kadang longgokan-longgokan papan dan kayu-kayu beluti berlonggok-longgok di tepi-tepi jalan. Ini ialah

daripada adanya kilang-kilang kecil yang disebutkan di dalam Akta ini kilang perabot. Kilang perabot ini kedapatan banyak di tengah-tengah bandar, di tengah-tengah pekan dan juga di dalam kawasan-kawasan perumahan.

Saya tahu ini di bawah kuasa Kerajaan Tempatan ataupun Majlis Daerah di satu-satu tempat. Tetapi apabila kita bawa ke Majlis-majlis Daerah supaya tindakan diambil supaya kebersihan dapat dikawal, supaya lebih-lebih kayu tadi tidak menutup saluran air, tidak menyekat perjalanan lalulintas, maka dijawab oleh pihak Majlis Daerah, itu kilang haram, itu kilang perabot haram.

Saya katakan, mereka yang menjalankan usaha membuat gerebok-gerebok kilang papan perabot seperti membuat almari, membuat gobok-gobok, membuat kerusi-kerusi, bangku tempat duduk kerusi makan dan sebagainya, kalau tidakpun kita lesenkan memang itu kerjanya dan itu rezekinya dan itu kepandaiannya. Maka sepatutnya pihak Kerajaan meminta kepada semua pihak-pihak yang berkuasa Majlis Tempatan, Bandaran dan Majlis Daerah supaya melesenkan sahaja mereka ini. Apabila dilesenkan, maka diberi syarat, jika sekiranya mereka tidak mematuhi syarat-syarat seperti mana lesen itu diluluskan, sekian bulan sekian bulan maka lesennya akan ditarikh balik dan mereka tidak dibolehkan lagi membuat usaha kilang kecil perabotnya tadi di tempat dia duduk sekarang ini. Kilang-kilang kotak kayu, pak-pak kayu juga dibuat dan diusahakan di kawasan-kawasan perumahan, di kawasan rumah-rumah teres di mana penghuni di situ daripada mereka yang berpendapatan rendah, maka sumber hidupnya membuat kotak-kotak kayu ataupun pak-pak kayu untuk diisikan ikan, buah-buahan dan sebagainya juga kilang-kilang perabot kecil dan sebagainya, malahan di situlah

tempat yang berlaku, selalu pandangan kita ini melihat satu-satu kawasan perumahan itu kotor, semak dan sebagainya. Semak daripada lebih-lebih papan dan kayu-kayu yang digunakan, daripada mereka menjemur papan dan kayu di tepi jalan, disandar-sandarkan di pokok-pokok di kanan kiri jalan itu, maka ini menyebabkan bukan sahaja kecantikan bandar, pekan dan kawasan perumahan itu hilang, malahan pernah menimbulkan hilangnya keharmonian dan konsep kejiranan yang kita cuba hendak tanamkan di dalam masyarakat kita bangsa Malaysia ini supaya hidup berharmoni, hidup bersatu padu dan mempunyai semangat kejiranan yang baik. Tetapi dengan adanya keadaan-keadaan yang semacam itu, perasaan keharmonian di antara seorang jiran dengan jiran yang lain kerana hal-hal seperti ini berpanjangan.

Saya mengesyorkan supaya Kerajaan dapat mengadakan satu kawasan khusus untuk mereka yang menjalankan industri berasaskan kayu ini supaya tidak di tengah-tengah bandar masih ada lagi kayu balak berlonggok-longgok. Kalau kita pergi ke Dungun, kita akan nampak kayu balak berlonggok-longgok di tengah pekan Dungun itu. Kalau kita pergi pula ke satu kawasan lain di tempat di mana kayu balak banyak, di Pahang misalnya, kita akan jumpa longgokan kayu balak dan kilang kayu balai di tengah-tengah bandar yang mana sepatutnya kita mahukan bandar kita bersih. Jadi sepatutnya Kerajaan mengadakan kawasan perkilangan seperti yang dibuat di Seremban, kawasan kilang Senawang khusus untuk kilang kayu, kilang papan dan kilang-kilang yang berasaskan kayu.

Tuan Yang Dipertua, di tempat saya, kawasan-kawasan penempatan, dahulunya yang dikatakan Kampung Baru Tanjung Sepat, Sungai Jarum, Sungai Pelik di Salak, banyak apa yang saya sebutkan tadi iaitu daripada kilang

perabot dan kilang perabot kecil dan apa yang disebutkan di sini di dalam Jadual Seksyen 3(1), kilang kotak kayu, pak dan pallet. Ini sepatutnya Kerajaan mengambil kira membuat perhitungan supaya keadaan ini tidak berterusan. Saya mengesyorkan supaya mereka ini dilesenkan. Kerajaan akan mendapat keuntungan daripada bayaran lesen itu dan lesen itu diberi syarat apabila sampai masanya mereka tidak mematuhi syarat-syarat itu untuk menjaga kebersihan, membuang lebih-lebihan kayu supaya tidak mendatangkan kekotoran, maka Kerajaan boleh menarik balik semula lesen itu dan mereka terus diperintah supaya menghentikan perusahaan-perusahaan membuat perabot tadi.

Dengan ini untuk menjaga keharmonian dan konsep kejiranan terutama di kawasan perumahan dan pekan-pekan kecil akan dapat kita jamin dan dapat dilindungi dengan adanya Rang Undang-undang Industri Berasaskan Kayu yang akan kita luluskan nanti.

Tuan Yang Dipertua, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang Dipertua, pihak saya mengucapkan ribuan terima kasih di atas minat yang telah ditunjukkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dengan turut serta dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang ini. Sukacita di sini saya akan menjawab segala teguran dan ulasan yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu dan sekiranya ada terdapat perkara-perkara yang tidak disentuh, saya akan mengambil ingatan atas ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan serta mengambil tindakan yang sewajarnya bagi menyelesaikan persoalan-persoalan yang ditimbulkan.

Tuan Yang Dipertua, setelah mendengar, saya lihat terlalu banyak perkara-perkara yang dibangkitkan yang merupakan bertindas lapis (overlapping). Dengan sebab itu kalau saya tidak dapat menyebut Yang Berhormat — Yang Berhormat yang menyentuh tentang hal-hal yang tersebut tetapi jawapannya saya beri, saya harap itu merupakan satu jawapan yang memadai.

Perkara yang kedua yang perlu saya ingatkan sebelum saya menjawab bahawa Akta ini bukan merupakan satu Akta baru. Akta ini adalah semata-mata menghidupkan kembali Akta yang sedia ada yang pupus sementara apabila Akta Perhutanan Negara semalam kita bincangkan. Jadi tidak ada satu perkara yang baru hanya untuk menghidupkan kembali Akta yang telah lupus buat sementara.

Perkara yang kedua yang perlu saya ingatkan di sini, saya tidak dapatlah memperkatakan sesuatu yang bersangkutan dengan Sabah dan Sarawak kerana Akta ini tidak melibatkan Sabah dan Sarawak. Banyak Yang Berhormat — Yang Berhormat telah bercakap tentang hal balak. Balak yang dihantar ke Jepun, apakah kemudahan-kemudahan yang didapat oleh Jepun dan apakah kerugian-kerugian kita juga tidak dapat saya perbincangkan kerana ini adalah bersangkutan paut dengan Sabah dan Sarawak. Bagi Semenanjung Malaysia balak, hanya 1% sahaja yang boleh dieksport ke luar negeri. Jadi apabila kita terlalu banyak cakap tentang balak bermakna kita bercakap tentang Sabah, sedangkan Sarawak dan Sabah dan Sarawak tidak termasuk dalam Akta ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, bahawa peratus penggunaan hasil kayu kayan keseluruhannya keluaran negara ialah kira-kira 55%. Ini penggunaan tempatan, bermakna 45% hanya dieksport. Yang 55% adalah digunakan dalam negeri. Peratus yang dieksport dalam bentuk

sudah diproses ialah 44% kerana ada yang diperkatakan bahawa kita proses banyak lagi dan sebagainya dan saya memberikan kadar ini untuk pengetahuan bahawa yang dieksport ialah 44%.

Bercakap tentang penempatan kilang-kilang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah, Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood, Yang Berhormat Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom sebentar tadi pihak Kementerian Perusahaan Utama bukanlah Kementerian yang ulung atau sebuah sahaja Kementerian yang bertanggungjawab tentang hal penempatan kilang-kilang ini kerana ada agensi-agensi lain dan ada Kementerian-kementerian lain yang juga bersama-sama bertanggungjawab termasuklah Kementerian Sains, teknologi dan Alam Sekitar, termasuklah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, termasuklah Kerajaan-kerajaan Negeri, termasuklah juga Majlis-majlis Tempatan.

Dengan sebab itu perkara ini yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat tentang penempatan kilang ini akan diperbincangkan dengan secara yang terperinci agar perkara-perkara seperti pencemaran udara, pencemaran telinga dan sebagainya itu dapat kita hindarkan dengan ada perbincangan-perbincangan lanjut atas perkara ini berdasarkan apa yang telah berlaku di masa-masa yang lepas.

Ingin saya memberi sedikit penerangan kepada Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Razak tadi iaitu bagi Wilayah Persekutuan terdapat 40 buah kilang papan yang lesennya akan luput antara tahun 1986 hingga 1988. Notis telah dikeluarkan untuk tidak melanjutkan tempoh lesen dan meminta mereka berpindah. Jawatankuasa bagi menyelaraskan pemindahan kilang-kilang ini ke negeri-negeri seperti Negeri Sembilan, Selangor dan Perak telahpun ditubuhkan bagi membantu pemindahan

ini. Pemindahan kilang-kilang buat masa akan datang akan ditempatkan di kawasan perindustrian. Tetapi bila kita kata hantarkan ke kampung-kampung ini juga masalah. Kerana kalau sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri hendak membuka kilang, kalau jalan tidak ada, elektrik tidak ada, air tidak ada, teleks tidak ada, telefon tidak ada, Yang Berhormat-Yang Berhormat sendiri pun tidak akan buat kilang di kampung. Dengan sebab itu pasaranan kawasan itu adalah sungguh penting kerana kita kena memikirkan tentang untung rugi kita hendak buat kilang itu.

Kalau sekiranya satu tempat itu mempunyai pasaranan yang cukup, insya Allah bukan sahaja di kampung tetapi di tepi-tepi hutan pun boleh dibuat kilang ini dengan syarat bahawa pasaranannya mencukupi.

Saya sungguh tertarik hati dengan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil tentang kita tidak mempunyai mutu dan tidak mempunyai kajian yang teliti dibandingkan dengan negara-negara lain tentang hal kayu-kayan ini.

Ingin saya menerangkan di sini bahawa quality control, standard control, dengan izin, kayu-kayan Malaysia merupakan satu quality control dan standard control yang paling baik di dunia dan diakui oleh dunia. Walhal standard kita lebih tinggi dibandingkan dengan British standard dan juga American standard.

Kerana kalau kita lihat kayu-kayan kita selain kita mencerakinkan apa yang dikatakan kayu keras berat (heavy hard wood), kayu keras pertengahan (middle hard wood) atau kayu keras ringan (light hard wood), kita cerakinkan tiap-tiap satu jenis kayu itu.

Kalau sekiranya kayu Meranti Merah (Dark Red Meranti) misalnya, kita pula cerakinkah No. 1 — select dan better,

No. 2 — select and better, dengan izin, ada dikatakan merchandized, kita ada katakan utility yang tidak dibuat oleh mana-mana negara lain.

Saya ingin menekankan di sini FRI (Forest Research Institute Malaysia) telah ditubuhkan pada tahun 1929. Walhal Indonesia sendiri pun kadang-kadang memasukkan kayu-kayu dan menggunakan standard kita untuk pasaran mereka.

Dengan sebab itu saya berharap untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan keadaan mutu inilah yang telah dapat menembusi pasaran antarabangsa, kerana kayu kita berharga mahal dibandingkan sepertimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman tadi memang benar kayu daripada Indonesia adalah murah, kerana kos pengeluaran murah, gaji buruh murah; dengan sebab itu hasilnya murah.

Tetapi kayu kita masih dapat menandingi kayu keluaran negara-negara lain kerana quality control, dengan izin, yang begitu baik.

Dan kita lihat bahawa negara Indonesia memberikan cara pembayaran yang sungguh menarik, iaitu membri hutang 180 hari dengan faedah 2%. Manakah pembeli yang tidak mahu membeli dengan keadaan yang begitu berbanding dengan Kerajaan kita ataupun pengeksport-pengeksport kita memberi hanya 21 hari.

Dengan itu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah bersetuju untuk mencari jalan agar satu bentuk pembayaran dan faedah dapat kita adakan juga bagi barang-barang keluaran kita bukan sahaja kayu tetapi termasuklah barang-barang lain seperti getah dan juga kelapa sawit. Kerana kalau kita tidak berbuat demikian, kemungkinan besar bahawa persaingan yang hebat akan berlaku antara negara-negara yang mengeluarkan kayu jenis yang sama dengan negara kita.

Selain daripada itu tentang pasaran, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bahawa kita tidak begitu agresif. Ini kalau kita lihat kayu-kayan Malaysia hanya wujud 2½% sahaja di pasaran negara-negara Teluk ataupun negara-negara Arab, negara-negara Islam 2½%. Kalau sekiranya kita lebih agresif, lebih tersusun dengan misi perdagangan kita, insya Allah, bahawa peningkatan kegunaan kayu kita yang memang sudah lama terkenal di negara-negara Arab ini akan bertambah baik.

Saya bersyukur kerana saya telah dapat menemui secara sendiri pengguna-pengguna kayu di sana dan dengan adanya perbincangan saya yang lepas dan diikuti oleh perbincangan yang lebih teliti oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang akan berjumpa dengan beberapa orang pengguna-pengguna kayu dalam lawatan beliau minggu ini, diharap bahawa kayu-kayan kita akan dapat menembusi pasaran di negara-negara Islam.

Kita tidak mempunyai was-was tentang pasaran kayu kita. Tetapi bagaimanakah kita hendak menunjukkan kepada pasaran dunia bahawa kayu-kayan kita merupakan kayu-kayan yang baik yang boleh dipergunakan. Kerana kalau kita lihat penggunaan kayu tiap-tiap sebuah rumah mesti menggunakan sekurang-kurangnya 15% kayu. Kalau kita dapat tumpukan aktiviti kita sepertimana yang dikehendaki oleh Yang Berhormat Tuan Shafie tadi kepada negara-negara yang sedang membangun yang mempunyai wang yang banyak memang potensi pasaran kayu kita adalah sangat baik. Dan inilah yang akan dilakukan oleh Kementerian Perusahaan Utama, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan juga pemimpin-pemimpin kita yang ada dalam tiap-tiap misi perdagangan dan saya berharap termasuklah juga Yang terhormat Senator-senator sekalian apabila ke luar negeri janganlah lupa memperkenalkan kayu-kayan kita agar

kerjasama yang bersepadu ini dapat menguntungkan kepada kayu-kayan Malaysia.

Bercakap tentang joint-venture atau usahasama antara negara-negara yang maju dengan ahli-ahli perniagaan kita dalam negeri, memang dialu-alukan, dengan izin, joint-venture atau usahasama-usahasama antara peniaga-peniaga kita atau usahawan-usahawan kita di Malaysia dengan negara-negara yang sedang membangun juga boleh dijalankan.

Pagi tadi saya telahpun berbincang dengan kuasa usaha Oman untuk mewujudkan kilang perabot di Oman sendiri kerana Oman sedang membangun, yang sedang membina antara 300 ke 500 buah sekolah berkehendakkan perabot-perabot dan sangat cenderung untuk mendapatkan perabot-perabot negara kita dan perkara-perkara inilah sebagai contoh di mana kita sedang berusaha ke arah mewujudkan usahasama walau di negeri kita ataupun di negara-negara yang kita fikirkan perlu.

Mengenai saranan Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood bahawa kita mesti menggalakkan orang kita menggunakan perabot-perabot hasil daripada negara kita memanglah baik. Inilah yang kita alu-alukan, itulah sebab kita meletakkan cukai yang begitu tinggi di atas perabot-perabot yang didatangkan daripada luar negeri, 50% ke 75% cukai yang kita adakan. Tetapi orang kita ini apabila sudah kaya dia hendak megah-megah, hendak menunjuk-nunjuk, itu sebabnya banyak orang-orang kita yang senang-lenang mengimport perabot-perabot di luar negeri kerana dengan cara ini adalah lebih mengagungkan apabila sahabat handai datang ke rumahnya. Ini perabot daripada Italy, ini perabot daripada Sweden bukan perabot daripada Temerloh misalnya. Kalau sikap ini dapat kita kikis, insya Allah saranan yang dibawa oleh Yang Berhormat Tuan Fadzil bin Mahmood itu akan bertambah berkesan.

Tuan Yang Dipertua, saya telah meneliti tentang saranan-saranan yang dibawa oleh Yang berhormat Tuan Abdul Ghani bin Othman, kerjasama yang erat antara negeri-negeri dan Kerajaan Federal, ini akan kita pereratkan perkara integrasi industri kayu-kayan juga harus dipertekankan, ini pihak MTIB atau Malaysian Timber Industry Board, dengan izin, akan mengambil ingatan dan akan membuat kajian yang serius di atas perkara integrasi ini dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri.

Mengenai sasaran pasaran tadi, saya telah bercakap sedikit sebanyak, bahawa kita memanglah kalau boleh mencari tempat-tempat yang di mana negara-negara itu benar-benar berkehendakkan kayu-kayan kita, seperti yang kita lihat Morocco dengan projek keretapinya, Mesir dengan projek keretapinya yang memerlukan beberapa banyak "sleepers", dengan izin, di Saudi Arabia pula kita tahu dan kita bersyukur Taman Mekah (Mecca City) telahpun memohon 3,000 pintu dan 20,000 tingkat kayu-kayan negara kita, dan perbincangan yang secara serius sedang dijalankan untuk membekalkan kayu untuk Found Medical City di Riyadh yang bernilai hampir-hampir \$200 juta dan juga pembesaran Masjid Nabawi di Madinah. Kita juga akan mencuba seberapa daya supaya semua pintu dan semua tingkap masjid tersebut datangnya daripada kayu-kayan kita, kita juga berdoa agar perbincangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 18hb ini dengan pihak yang berkenaan dimakbulkan Allah s.w.t.

Tuan Yang Dipertua, lagi sekali saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian. Marilah sama-sama kita bekerjasama untuk menentukan agar prestasi dan juga agar masa depan industri kayu-kayan ini akan berkembang untuk kemajuan kita

bersama. Yang mana yang tidak dapat saya sentuh, saya ambil ingatan dan akan diambil tindakan.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan, masalahnya bahawa Rang Undang-undang ini dibaca kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang Dipertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 5 diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH SYARIAH (BIDANG KUASA JENAYAH) (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.08 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan iaitu Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang Dipertua, pindaan yang dicadangkan ini bertujuan untuk

memperluaskan lagi bidang kuasa jenayah Mahkamah-mahkamah Syariah bagi membolehkan pembicaraan kesalahan-kesalahan yang boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi 3 tahun atau denda tidak melebihi \$5,000 atau sebat tidak melebihi 6 kali atau apa-apa cantumannya berbanding dengan kuasa sekarang yang menghadkan kepada penjara 6 bulan atau didenda \$1,000 atau kedua-dua sekali.

Undang-undang Mahkamah Syariah yang berkuatkuasa sekarang tertakluk kepada Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dari segi had maksima hukuman yang boleh dikenakan. Akta ini, telah digubal 18 tahun yang lalu dan ia memperuntukkan hanya denda maksima \$1,000 dan penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali.

Di Malaysia pada masa ini kes-kes kesalahan jenayah di kalangan orang-orang Islam semakin meningkat. Walaupun Kerajaan sentiasa mengambil langkah-langkah untuk menyekat kejadian jenayah di kalangan orang-orang Islam melalui usaha-usaha agama seperti dakwah, ceramah-ceramah agama dan penerangan-penerangan berhubung dengan agama Islam, namun kes-kes kesalahan jenayah semakin bertambah.

Salah satu cara untuk menghalang orang-orang Islam daripada terlibat dengan lebih banyak lagi kepada perbuatan-perbuatan jenayah ialah bagi pihak Kerajaan mengambil tindakan yang lebih positif dan berkesan dengan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Dengan adanya pindaan ini maka hukuman dan denda atau kedua-duanya sekali yang dikenakan ke atas orang-orang Islam yang disabitkan dengan kesalahan tertentu akan menjadi lebih bererti dan berkesan lagi.

Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga pada masa sekarang sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk menerapkan nilai-nilai Islam dalam bidang

pentadbiran. Maka dengan adanya pindaan ke atas Akta ini adalah diharapkan peningkatan dalam penerapan nilai-nilai Islam akan dapat diwujudkan di Mahkamah-mahkamah Syariah dengan membawa taraf Mahkamah-mahkamah Syariah setanding dengan Mahkamah Majistret. Kerajaan juga pada masa sekarang sedang mengatur program latihan untuk memperlengkapkan taraf dan kepakaran kadi-kadi di Mahkamah-mahkamah Syariah supaya kadi-kadi ini dapat menjalankan tugas mereka dengan lebih sempurna lagi.

Dalam Akta Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam yang telah diluluskan baru-baru ini, kadi-kadi di Mahkamah-mahkamah Syariah diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman dalam setengah kes kesalahan melebihi \$1,000 atau hukuman penjara lebih daripada 6 bulan. Kuasa menjatuhkan hukuman seperti disebutkan tidak boleh dijalankan sekiranya Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini tidak dipinda. Memandangkan kepada perkembangan ini maka seksyen 2 Akta ini perlu dipinda supaya sesuai dengan perakuan Akta Undang-undang Pentadbiran Keluarga Islam.

Dengan pindaan seperti yang dicadangkan, Mahkamah Syariah boleh membicarakan kes-kes jenayah yang hukumannya tidak melebihi 3 tahun penjara atau denda tidak melebihi \$5,000 atau sebat tidak melebihi 6 kali atau apa-apa cantumannya. Dengan pindaan ini bermaknalah bahawa Mahkamah Syariah akan mempunyai bidang kuasa yang lebih luas. Adalah diharapkan juga bahawa tindakan meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 ini dapat membendung timbulnya pembawa-pembawa ajaran salah dan penjenayah-penjenayah yang ditakrif oleh Enakmen-enakmen Hukum Syarak Negeri-negeri secara mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka. Justeru itu,

Mahkamah Syariah boleh memainkan peranan penting bagi menjaga kepentingan setiap individu, keluarga dan masyarakat Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

5.14 ptg.

Tuan Fadzil bin Mahmood: Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Saya berasa syukur kerana Rang Undang-undang ini digubal dan meminta kelulusan dalam Dewan yang mulia ini. Memandangkan kepada masa sekarang ini pemimpin-pemimpin kita sedang melaung-laungkan supaya menerap nilai-nilai Islam dan meninggikan syariah Islam dan sebagainya, maka sudah sampai masanya Mahkamah Syariah dapat dipertingkatkan supaya tidak begitu dipandang rendah oleh masyarakat umum.

Tuan Yang Dipertua, bidang kuasa yang diberi kepada Mahkamah Syariah iaitu sejak 18 tahun yang lepas hanya diberi kuasa untuk mendenda sebanyak \$1,000 dan jel ataupun penjara 6 bulan dan pada hari ini Rang Undang-undang ini dibentangkan untuk memberi kuasa kepada kadi-kadi di Mahkamah Syariah supaya dapat menghukumkan penjara selama tempoh tidak lebih daripada 3 tahun atau apa-apa denda tidak melebihi \$5,000 atau sebat tidak melebihi 6 kali atau apa-apa cantumannya.

Tuan Yang Dipertua, pada masa sekarang sepertimana disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan keadaan di Malaysia kita sekarang ini berbagai-bagai masalah berlaku, terutama sekali dalam bidang kesalahan yang dilakukan oleh orang Islam, termasuklah berzina dan sebagainya. Dengan adanya Rang Undang-undang ini saya berharap kepada pihak yang berkenaan supaya mengkaji semula berkenaan dengan denda-denda di atas berkhalwat, berzina dan sebagainya. Kadang-kadang kita berasa hairan denda pasangan yang berkhalwat itu lebih rendah daripada denda kepada seorang yang melakukan membaling kertas ataupun puntung rokok di jalan-jalan, iaitu lebih murah daripada denda orang melakukan kesalahan, yang melakukan kekotoran di jalan-jalan raya. Misalnya, kalau denda kesalahan membaling/membuang kertas di jalan raya \$500, tetapi denda kepada orang yang berkhalwat ataupun berzina hanya \$200 atau \$300 sahaja. Ini adalah satu perkara yang agak anih kepada kita kerana kesalahan yang saya sebutkan tadi itu adalah berat dari segi Islam. Dengan adanya kuasa yang diberi kepada mahkamah ini, maka dapatlah kita memperbetulkan masalah-masalah ataupun kekurangan-kekurangan yang kita hadapi pada masa ini.

Pada masa sekarang ini kita rasa banyak mempertikaikan masalah kadi-kadi yang mengendalikan Mahkamah Syariah ini. Kita berharap dengan adanya undang-undang ini, maka prestasi, taraf ataupun kedudukan kadi-kadi di negara ini akan dapat dipertingkatkan. Kita berharap kepada kadi-kadi ini pihak Kerajaan akan memberi kursus-kursus ataupun latihan-latihan yang sesuai bagi mengendalikan bidang kuasa yang diberikan kepada mereka ini supaya dapat dipertingkatkan dan dapat setanding dengan Mahkamah-mahkamah Sivil.

Kita berharap kepada Kerajaan supaya perkara ini dapat dilaksanakan

dengan sepenuhnya. Kita berharap pihak-pihak kadi akan menjalankan tugasnya dengan sebaik-baiknya kerana kuasa ini diberi kepada mereka supaya sesuai dengan agama kita agama Islam, agama rasmi di Malaysia ini dan kita berharap taraf Mahkamah Syariah ini dapat dipertingkatkan dan setanding dengan Mahkamah Sivil.

Dengan ini saya sekali lagi mengucapkan setinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan kerana telah sedar bahawa Akta ini patut dibuat. Saya rasa perkara ini patut dibentang bukan sekarang ini, tetapi beberapa tahun yang lepas. Tetapi alhamdulillah, kerana pada masa ini pihak Kerajaan kita baru sedar, maka Akta ini dibawa di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan ini saya sekali lagi menyokong Akta yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.20 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 yang baru dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Yang Berhormat Menteri dan Kerajaan yang begitu berani untuk meninggikan lagi Akta khasnya Akta Mahkamah Syariah pada hari ini.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri telah sedar betapa pentingnya agama Islam di negara kita ini yang telah begitu banyak diperlakukan oleh golongan-golongan yang tidak mengindahkan agama Islam. Saya telah diberi penerangan daripada yang Berhormat iaitu kita telah tahu Akta Mahkamah Syariah ini telah diperbuatkan 18 tahun yang lalu, baru hari ini iaitu Yang Berhormat telah bangun meminda Akta ini. Saya percaya Yang Berhormat

telah tahu begitu banyak kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan oleh semua rakyat yang beragama Islam di negara kita. Saya berharap Kerajaan janganlah sentiasa memindahkan undang-undangnya dari satu masa ke satu masa tetapi kuasanya tidak dijalan. Jangan di hari ini diputuskan kuasa undang-undang diperberatkan kepada mereka itu daripada 6 bulan seribu ringgit atau kedua-duanya sekali pada masa lalu dan pada masa akan datang kita akan meninggikan hukumannya kepada \$5,000, 3 tahun penjara dan tidak lebih 6 kali rotan.

Saya percaya kalau kuasa ini dibuat sahaja di dalam Dewan ini tetapi kalau tidak Yang Berhormat Menteri mengarahkan kepada Jabatan-jabatan Agama dengan begitu tegas, saya percaya perkara ini juga akan berjalan dengan memuaskan kerana banyak juga undang-undang yang telah dijalankan 6 bulan \$1,000, kedua-duanya sekali di dalam Mahkamah Syariah tidak banyak menjatuhkan hukuman yang setinggi itu melainkan \$25, \$50 atau \$100 sahaja dengan kerana itulah banyaknya rakyat kita yang beragama Islam itu sentiasa membuat jenayah tentang agama Islam. Saya berharap Yang Berhormat Menteri apabila kita meluluskan di Dewan ini mahulah diarahkan kepada mereka itu supaya kuasa kita ini dijalankan dengan tegas.

Kita perhatikan di seluruh negara. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu kadangkala di Mahkamah Syariah ini apabila kita dapat kes yang begitu besar sekali jenayahnya pun tetapi hukumannya lepas begitu sahaja dengan tidak lengkap dan kadangkadang mungkin Hakim-hakim Kadi tadi pun tidak begitu berat menjalankan hukuman. Dengan kerana itulah jenayah agama Islam ini berleluasa.

Cuba kita lihat umpama satu kejadian kes iaitu khalwat di antara seorang lelaki dan isteri orang lain. Apabila isteri orang lain ini diangkut

oleh seorang pemuda kadangkala membawa keluar negeri tetapi hukumannya kadang-kadang kadi-kadi mengatakan tak boleh hendak buat apa-apa tindakan. Ada berlaku, banyak berlaku. Di kawasan Yang Berhormat Menteri saya tak tahulah tetapi di kawasan saya sendiri banyak berlaku perkara-perkara kes-kes seperti ini sehinggakan rumahtangga satu keluarga yang mempunyai anak 10 orang tinggal dengan bapanya begitu sahaja. Ada bukti. Jadi itulah saya berharap supaya undang-undang ini jangan diperbuatkan tetapi tidak dijalankan dengan tegasnya.

Juga apabila kita melihat, saya berharap supaya dapat kita tambahkan lagi di dalam undang-undang ini kalau berkhalwat dengan bukan Islam pun, orang yang bukan beragama Islam itu hendaklah juga dihukumkan. Banyak kes yang berlaku juga, saya rasa Tuan Yang Dipertua pun tahu, Yang Berhormat Menteri pun sedar apabila gadis beragama Islam berkhalwat dengan pemuda yang bukan beragama Islam, yang kita heret ke mahkamah gadis Islam yang itu sahaja, pemuda yang bukan beragama Islam lepas begitu sahaja. Jadi saya percaya Undang-undang Syariah kita ini belum cukup kuat dan lengkap lagi. Saya berharap perkara ini juga akan dapat dipertambahkan lagi, diperketatkan lagi supaya sesiapa sahaja berkhalwat di dalam negara kita ini kerana negara kita ini adalah mengamalkan agama Islam adalah agama rasmi di negara kita.

Tuan Yang Dipertua, ada juga setengah kes di dalam negara kita ini iaitu bukan bumiputera, bukan beragama Islam masuk Islam sebagai saudara Islam yang baru kadangkala mengambil nama Islam itu sahaja, ada di antara mereka ini menggunakan nama Islam tetapi masih duduk dengan keluarga mereka dan anak isteri mereka tetapi Majlis Syariah kita ini tidak dapat mengambil tindakan kepada mereka ini.

Di dalam kawasan saya juga saya telah melaporkan tetapi tindakan tidak diambil langsung sehingga di hari ini juga ada juga mereka itu masih menggunakan agama Islam dan pasport agama Islam, surat agama Islam sudah ada tetapi masih duduk di rumah keluarga mereka dan anak mereka yang bukan beragama Islam. Ini harus juga kita mengambil tindakan yang begitu tegas kepada negara kita ini kerana agama Islam bukanlah senang untuk mereka mempermainkan.

Tuan Yang Dipertua, juga saya rasa kalau hendak meninggikan taraf agama Islam khasnya di seluruh negara kita ini, agama Islam, agama rasmi yang harus kita lakukan di seluruh negara tetapi juga sedihnya Yang Berhormat Menteri tahu pekerja-pekerja di dalam jabatan-jabatan ini, umpamanya Kadi, Naib Kadi gajinya terlampau rendah sangat. Cuba Yang Berhormat Menteri timbangkan umpamanya seorang Naib Kadi yang mempunyai elaun yang diberikan cuma \$600 sahaja satu tahun. Bagaimanakah Naib Kadi hendak menjalankan kerjanya dengan tegas. Kadangkala kerana elaun yang begitu sedikit, di satu-satu tempat apabila penikahan akan berlaku wang resit nikah ini kadang-kadang dipertinggikan oleh mereka itu. Ada setengah golongan keluarga cuma membayar \$20 sahaja, di tempat saya sekarang ini \$50. Ini menunjukkan iaitu kelemahan kita masih ada. Apa salahnya Yang Berhormat Menteri kemukakan di dalam Kabinet supaya mereka-mereka ini dipertingkatkan lagi gaji mereka. Kita harus ingat kalau pekerja-pekerja kita ini gajinya, elaunnya sedikit kalau kita suruh menjaga harta kita sendiri kadangkala harta kita pun diusik mereka. Kalau kita memberikan gaji yang begitu stable saya percaya mereka akan menjalankan tugas-tugas mereka itu di seluruh negara dan pelusuk kampung, luar bandar dengan begitu semangat.

Saya percaya Yang Berhormat Menteri sedar pada ketika ini saya

katakan tadi pada mula-mula \$600 setahun. Kali yang kedua barulah naik tiga tahun ke atas \$800 setahun, cuba dikaji berapa puluh ringgitkah sebulan. Memadailah elaun Naib Kadi ini \$50 sebulan dan setahun \$600? Dan juga kerana mereka ini takut, elaun dengan sedikit tidak mahu kerja yang tegas, itulah berlakunya di masjid-masjid, di surau-surau siapa sahaja hendak masuk ke masjid untuk membawa tohmah apa sekali pun di dalam agama mengatakan Kerajaan pun, mereka tidak berani hendak menghalang. Saya percaya Yang Berhormat Menteri pun tahu dan sedar semua masjid sekarang ini setengah golongan daripada mereka-mereka ini akan menggunakan di masjid-masjid kita untuk menjatuhkan Kerajaan, untuk mentohmahkan Kerajaan, membusukkan Kerajaan. Tetapi perkara ini tidak diambil tindakan langsung oleh pihak Kerajaan. Apa salahnya dikeluarkan satu Undang-undang juga mengeluarkan satu amaran, satu Akta untuk dilekatkan di masjid-masjid tidak dibenarkan siapa-siapa selain daripada mengajar agama iaitu pensyarah atau guru-guru agama dari Kerajaan sahaja yang boleh bersyarah di dalam masjid dan tidak dibenarkan berpolitik di dalam masjid.

Saya percaya kalaulah perkara ini kita harus mengambil tindakan yang begitu tegas nescaya Kerajaan kita ini kekal dengan tidak diresapi oleh penghasut-penghasut khasnya di dalam agama Islam kita dalam masjid-masjid kerana Yang Berhormat Menteri tahu banyak pertubuhan-pertubuhan Islam telah ditubuhkan di dalam negara kita ini, banyak penyelewengan-penyelewengan telah dibuat di dalam agama supaya menghasut rakyat di seluruh luar bandar.

Saya berharap supaya Yang Berhormat Menteri dapat meminda Akta ini lebih berkesan lagi, lebih mendalam lagi tidak mencukupi yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat pada hari ini sahaja. Telah 18 tahun

baharu sedar, baharu hendak membuatkan satu pindaan undang-undang. Negara telah merdeka 27 tahun, pindaan baharu dibuat.

Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri akan dapat memindahkan Akta ini di dalam Dewan yang mulia ini juga pada satu ketika nanti supaya iaitu Akta Syariah kita akan diperketatkan lagi di dalam negara kita.

Tuan Yang Dipertua, saya tidaklah hendak bercakap panjang lebar lagi kerana sahabat-sahabat saya juga akan bercakap. Saya di sini mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat Menteri yang telah berani mengemukakan satu Akta yang baharu di dalam undang-undang meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Saya ucapkan syabas dan saya berharap sekali lagi supaya janganlah undang-undang itu sahaja dipinda, kuasa tidak dijalankan. Saya menyokong penuh tentang akta ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Noor.

5.36 ptg.

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah: Tuan Yang Dipertua, saya juga bangun pada petang ini untuk menerima kasih dan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1948 serta dengan ikhlas hati menyokong Akta ini.

Tuan Yang Dipertua, negara kita telahpun merdeka selama 27 tahun. Di dalam Perlembagaan negara kita telahpun menunjuk bahawasanya agama Islam adalah agama rasmi negara, tetapi semenjak 27 tahun yang lampau tidak dapat Kerajaan kita melaksanakan undang-undang Islam dengan sepenuhnya, bukan tidak menjalankan tetapi tidak dapat menjalankan dengan sepenuhnya.

Jadi pada petang ini, Tuan Yang Dipertua, Akta ini ialah satu petanda baik kepada kita yang menunjukkan bahawa Kerajaan kita sedang menuju secara "tadrij" yakni secara beransur-ansur kepada melaksanakan undang-undang Islam dengan sepenuhnya di dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun kita mengadakan berbagai-bagai Akta dan Rang Undang-undang selagi kita tidak mengadakan dan menurut Undang-undang Islam yang diturunkan oleh Allah s.w.t. melalui Baginda Nabi Muhammad s.a.w. kepada seluruh ummah manusia demi untuk menyelamatkan dan membahagiakan manusia yang berada di dalam dunia seterusnya mendapat kebahagiaan di alam akhirat nanti. Kalaulah tidak dapat kita menjalankan dengan sepenuhnya, walau bagaimanapun tidak lagi dapat kita memenuhi tanggungjawab kita sebagai seorang Islam dan sebagai negara yang kita isytiharkan sebuah negara Islam.

Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa Undang-undang Islam ini ialah undang-undang yang diperbuat oleh Tuhan Pencipta Alam sendiri dengan tujuannya supaya kesemua alam kejadian sama ada manusia ataupun lain mendapat keselamatan, kemakmuran, keadilan di dalam dunia ini dan mendapat kebahagiaan kepada manusia di dalam akhirat nanti.

Tuan Yang Dipertua, saya suka juga memaklumkan dan menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat yang bukan daripada agama Islam, Ahli-ahli Yang Berhormat jangan berasa bimbang, jangan berasa curiga kalaulah Kerajaan kita menjalankan Undang-undang Islam dengan sepenuhnya kerana Islam adalah satu agama yang hendak menyelamatkan semua manusia. Dengan izin, Tuan Yang Dipertua, cuba kita perhatikan kepada satu Hadis bagaimana Rasulullah s.a.w. bersabda: *Irhamu man-fil ardhi*

yarhamka man-fissamaie. Maksudnya: Kasih sayanglah kamu akan mereka yang berada di dalam bumi, nescaya kasih sayang akan dikau oleh mereka yang ada di langit.

Jadi di sini membuktikan kepada kita bahawasanya Islam adalah satu agama yang menyeru semua manusia bersifat kasih sayang di antara satu sama lain. Dengan izin lagi, Allah s.w.t. berfirman di dalam Al-Quran — ini untuk supaya Ahli-ahli Yang Berhormat juga saudara-saudara rakyat yang bukan Islam yang berada di dalam negara kita ini supaya tidak mencurigai kepada Islam. Allah s.w.t. berfirman: *La yanhakumullazina lam-yuqatilukum fiddini wa-lam yukhrijukum min diyarikum antabarru wa tubsitu ilaihim. Innallaha yuhibbul muhsitin.* Maksudnya: Tidak melarang oleh Allah akan kamu akan orang yang tidak memerangi kamu pada agama dan orang-orang yang tidak menghalau kamu daripada negara-negara kamu.

Tuhan tidak menegah bahawa kamu membuat baik kepada mereka itu dan kamu mengadili kepada mereka itu. Bahawasanya Allah kasih akan orang-orang yang bersifat keadilan.

Di sinilah saudara-saudara Ahli Yang Berhormat yang bukan beragama Islam, saya berharap jangan ada sedikitpun ada curiga dalam hati kalaulah Kerajaan dan kami membentangkan Rang Undang-undang Islam di dalam negara ini. Semoga sama-sama kita dapat hidup dalam keadaan selesa, kemakmuran dan kebahagiaan.

Tuan Yang Dipertua, umpamanya lagi undang-undang muamalat seperti berjual beli ialah semata-mata untuk menentukan hak seseorang dan tidak boleh dicerobohi atau diambil dengan paksa kecuali dengan izin dan redha daripada empunya. Kemudian tidak dapat menzahirkan sifat keredhaan itu yang mana sifat keredhaan itu adalah sifat batin kecuali mestilah kena berlafaz dengan perkataan-perkataan dengan lidah, umpamanya: Saya jual

ataupun saya gadai atau saya memberi pinjam ataupun saya bagi berhutang dan pihak yang menerima mestilah berlafaz juga untuk membuktikan persetujuannya yang ada di dalam hati dengan umpama katanya: Saya terima dengan harga sekian.

Tuan Yang Dipertua, saya bandingkan undang-undang munakahat — menikah-kahwin ialah untuk menentukan persetujuan di antara lelaki dan perempuan dan di antara bapa dan wali kepada perempuan sebagai penjaga utama bagi makhluk yang dhaif itu, mestilah kena ada akad yang menunjukkan bahawa bagi pihak perempuan telahpun bersetuju dan laki-lakipun bersetuju dengan mempunyai dua saksi daripada lelaki dan untuk menentukan pertalian nasab, dengan izin, yakni titik, anak pinak, cucu dan seterusnya dan beberapa peraturan yang lain bagi menyelamatkan rumah tangga mereka berdua.

Tuan Yang Dipertua, undang-undang jenayah juga tujuannya tidak lain adalah semata-mata mencegah manusia daripada menyentuh peribadi seseorang yang lain dan supaya mendapat keamanan.

Tuan Yang Dipertua, dengan izin, umpamanya, Allah s.w.t. berfirman di dalam al-Quran: *Wa lakum fil qisasi hayatun ya ulil-albab.* Maksudnya: Dan bagi kamu pada membunuh [balas] di atas pembunuhan seseorang, hukumnya mesti bunuh balas, mendapat hidup. Tuhan kata bagi kamu pada qisas itu ialah hidup. Wahai orang-orang yang mempunyai akal fikiran. Bererti apabila seseorang itu membunuh orang lain, mestilah si pembunuh itu dihukum bunuh balas dengan sebab undang-undang pembunuhan balas itu membawa kepada ketakutan di dalam jiwa orang-orang yang mendengar undang-undang itu. Apabila demikian, mereka tidak lagi hendak membunuh orang-orang lain. Itulah dikatakan "hidup" di dalam ayat ini.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, tak usahlah kita ragu-ragu lagi di atas keelokan undang-undang syariat Islam ini dan kesesuaiannya di dalam setiap masa dan tempat. Dan saya berharap kepada pihak Kerajaan kita yang telahpun mengisytiharkan negara kita ini ialah sebuah negara Islam dan telah diakui oleh semua negara-negara Islam di dunia itu semoga dapat menjalani undang-undang Islam dengan sempurna, walaupun secara beransur-ansur. InsyaAllah, kalaulah dapat kita menjalani, InsyaAllah segala kesulitan yang timbul di dalam masyarakat kita akan dapat kita hapuskan.

Tuan Yang Dipertua, itulah sahaja pandangan saya berkenaan dengan Akta Mahkamah Syariah yang dibentangkan pada petang ini. Sekali lagi saya dengan ikhlas hati menyokong Rang Undang-undang ini dan mengucapkan syabas kepada Menteri berkenaan yang membentangkan Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Ujang.

5.47 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ujang: Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana saya diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam Akta meminda Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) yang telah dibentangkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri baru-baru tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah di atas keberanian Menteri berkenaan dan Kerajaan dengan tidak teragak-agak untuk meminda Akta ini bagi membolehkan umat Islam memerhati dan memandang serta bertindak di dalam memahami berhubung dengan kedudukan larangan-

larangan yang disediakan oleh Allah taala melalui Al-Quran dan melalui Hadis Rasulullah s.a.w.

Jadi, sebagaimana yang telah dijelaskan oleh rakan saya Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Nor, maka saya rasa kita patut berbangga dan bersyukur khususnya umat Islam di dalam negeri ini kalau ini dapat diagihkan secara terus pada Kerajaan Negeri dan dijalankan Akta ini oleh Jabatan-jabatan ataupun Majlis-majlis Agama Negeri dengan tidak ada pilihan, maka saya rasa, apa yang kita rasa sekarang ini iaitu ingin melihat jenayah-jenayah yang menjolok mata yang berlaku dalam masyarakat Islam hari ini kalau pun tidak dapat dibentasi secara langsung tetapi akan dapat mengurangkan.

Tuan Yang Dipertua, walaupun pindaan Akta ini tidak mengikut secara langsung dari hukum yang diturunkan oleh Allah swt. melalui Al-Quran, kerana di dalam Akta Jenayah yang dimaksudkan mengikut hukum Fekah ataupun hukum-hukum syarak maka kita dapati tidaklah menepati dengan Akta ini. Sebaliknya sebagai langkah kearah untuk dapat menjalankan hukum-hukum Allah ini secara langsung maka kita haruslah kembali kepada ajaran yang dibawa oleh junjungan kita Rasulullah s.a.w. iaitu kita mengikut kemampuan yang ada pada kita dan menjaga kemuslihatan pihak-pihak yang berkenaan. Jadi, kalau Akta ini dapat dipertikaikan oleh Parti Pembangkang bahawa Akta ini tidak lengkap, maka kita berani mengakui bahawa Akta ini bukan lengkap. Tetapi dapat diperbaiki dan dipertingkatkan daripada Akta yang telah diluluskan pada tahun 1965 iaitu Kerajaan-kerajaan Negeri ada yang menetapkan tentang hukum-hukum bagi jenayah-jenayah ini dalam peringkat yang paling minima sekali \$25 dan tidak melebihi \$500. Oleh itu, saya ingin menekankan kalau Akta ini benar-benar mahu

dijalankan, kalau mahu menengok dan melihat bagaimana kekuatan kuasa-kuasa yang ada pada kita bagi hendak menerangkan jenayah-jenayah yang berlaku di kalangan masyarakat Islam hari ini maka saya mencadangkan supaya Akta ini tidak ada pilihan bagi Kerajaan Negeri oleh kerana kita dapat memahamkan bahawa Jabatan Agama dan Majlis Agama ini adalah duduk di bawah naungan Sultan-sultan dan Raja-raja ataupun Yang Dipertuan Negeri masing-masing. Apa yang kita harap bahawa dalam persidangan Raja-raja yang dibantu oleh Yang Amat Berhormat Menteri-menteri Besar, maka Akta ini hendaklah diberi penjelasan, mesti dijalankan oleh Kerajaan Negeri yang disalurkan kepada Jabatan Agama atau Majlis Agama Negeri.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memahamkan tentang Akta ini bahawa jenayah-jenayah mengikut Akta 1965 yang dijalankan oleh Mahkamah-mahkamah Syariah ataupun Jabatan-jabatan Agama Negeri adalah menitik beratkan dalam masalah perzinahan, kemudian makan di khalayak ramai di waktu siang di bulan Ramadhan, kedudukan sumbang di antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya, tidak hadir sembahyang Jumaat. Inilah yang selalu kita baca di akhbar-akhbar ataupun yang selalu kita dapati yang dilakukan oleh masyarakat Islam yang boleh diheret bawa ke Mahkamah Syariah. Saya tidak tahulah dalam Akta ini, adakah minum arak ini dimasukkan sama, kerana sekarang ini Kerajaan Negeri tidak ada bertindak. Mahkamah Syariah yang ada hari ini tidak ada bertindak dalam minum arak, kerana minum arak ini satu jenayah yang paling besar sekali.

Sebagaimana yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w. bahawa minum arak ini adalah anak kunci kesalahan. Segala kesalahan, segala kemaksiatan berpunca dari arak ini tetapi arak ini tidak dibangkitkan. Walaupun ada

ditingkatkan tetapi tidak ada tindakan. Saya harap supaya minum arak ini dapat dimasukkan satu daripada jenayah. Kita tidak teragak-agak kalau dapat kita tangkap ataupun dapat kita kesan seorang Muslim itu minum arak secara berterang-terangan maka satu tindakan harus dibuat. Dan begitu juga dalam masalah zina ini. Kadang-kadang, tuduhan-tuduhan zina ini dibuat tidak mengikut keterangan-keterangan yang sebenar. Tetapi kerana mereka yang melakukan zina ini kurang faham dalam masalah penghukuman zina ini mestilah dapat saksi empat orang yang sah yang benar-benar boleh dipercayai, orang yang boleh kita yakinkan. kadang-kadang saksi zina ini orang yang tidak sembahyang. Kadang-kadang saksi zina ini orang minum arak. Kadang-kadang saksi zina ini orang pencuri, itu pun kita pakai. Jadi, masalah ini, saya rasa harus dipertekankan.

Begitu juga dalam masalah kedudukan sumbang antara lelaki dan perempuan yang bukan muhrimnya ini. Inilah yang paling banyak yang paling lumrah sekali berlaku dalam masyarakat kita sekarang. Cara mana hendak dibuat, terpulanglah kepada tindakan Akta ini nanti. Manakah yang dimaksudkan kesumbangan ini. Adakah hingga kita dapati orang itu duduk dalam bilik satu lawan satu, baru boleh kita ambil tindakan bahawa dia ini kita sabitkan dalam masalah khalwat ataupun bersekududukan secara sumbang ataupun kita jumpa dia berseronok-seronok dalam kereta. Ini hendak kita katakan dia ini terlibat dalam Akta ini, maka ketentuan ini harus dipertekankan supaya tidak dipersalahkan Akta ini nanti oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Begitu juga yang tidak hadir sembahyang Jumaat. Ini pun satu lagi. Kadang-kadang terus-terang mereka itu mencabar Jabatan Agama Kerajaan Negeri, apa mereka boleh buat, kalau aku tidak sembahyang Jumaat.

Sebagaimana yang kita tahu bahawa sembahyang Jumaat ini, tiga kali berturut-turut, satu kesalahan yang paling besar. Saya tidak hendak bacakan hadis itu. Ada pula yang tahu, cukup tiga kali, dia pergi sembahyang. Kali yang ketiga dia sembahyang, dua itu dia miss, mohon izin. Dia kira Jumaat pertama, Jumat kedua, Jumaat ketiga. Yang ketiga itu akan menjadi kesalahan, dia pergi. Maka ini pun harus diperhatikan.

Kemudian dalam masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat saudara saya tadi tentang murtad ini. Ini murtad pun satu masalah besar lagi dalam Akta ini. Ada mereka yang sudah memilih agama Islam itu sebagai agamanya, oleh kerana sesuatu yang difikirkannya untuk dia hendak masuk Islam itu, yang kita sendiri tidak tahu apa yang ada dalam kebatinan dia, hanya kita yang boleh menilai dari segi zahir sahaja bahawa mereka itu memilih Islam sebagai satu agama suci dan mereka mahu dengan persetujuan hati mereka memeluk agama Islam dan kita Islamkan dia. Lepas itu dengan senang hati pula dia lahirkan balik, dia telah keluar daripada Islam. Dia tidak suka tentang Islam ini. Ini berlaku, ada kenyataan. Sampai tiga empat kali dia datang ke Jabatan Agama, katanya aku sudah tidak Islam lagi. Apakah tindakan yang harus kita buat dalam masalah ini.

Kita tidak boleh menggunakan bahawa agama Islam itu tidak ada paksaan. Sebagaimana yang difirmankan oleh Allah taala, mohon izin, laikrak hafiddin — ini tidak boleh tekan. Orang jahil dia pakai ayat ini. Dia kata tidak ada paksaan dalam agama. Yang tidak ada paksaan ialah orang yang luar daripada Islam, sudah memeluk agama Islam, tidak ada lagi pilihan, mesti ikut apa yang Tuhan perintah. Tetapi hari ini kadang-kadang orang kita sendiri pun, yang emak bapanya orang Islam, dia kata, aku buat ini engkau tidak boleh

paksa. Dia kata ini suka hati aku, agama ini tidak boleh dipaksa-paksa — mana dia belajar. Ini yang parti Pembangkang dapat masuk.

Masalahnya kalau sudah Islam, sudah ucap Kalimah Syahadad, habis cerita, tidak ada lagi pilihan. Apa yang berlaku, mesti jalan. Ini yang saya minta tekanan dalam Akta ini. Janganlah permudahkan-mudahkan tentang murtad ini, wainnahu zubillah. Begitu juga mualaf. Mualaf ini satu tanggungjawab kita, pihak Kerajaan. Jadi, mualaf ini kadang-kadang dia terbiar, tidak ada satu badan yang boleh menjaganya, memeliharanya, jaga akidahnya, jaga keselamatannya dan tidak ada satu peruntukan untuk mualaf ini, ada sedikit di Baitulmal, itupun tidak berapa ringgit. Kadang-kadang bila dia hendak memeluk agama Islam, dia cari bapa angkatnya. Bapa angkatnya itu pula kaki tuang. Sembahyang tidak, minum arak, perempuan dia bawa ke hulu ke hilir jadi bapa angkat kepada mualaf ini, tidak celakakah ini, mohon izin. Tidakkah ini satu jenayah?

Sepatutnya orang yang telah memeluk agama Islam ini mesti dibapa angkatkan kepada orang yang benar-benar boleh didik dia, tidak boleh dibenarkan bapa angkatnya itu yang boleh mengheretnya kepada perkara yang lebih rosak lagi sebelum dia Islam. Jadi, mualaf ini kadangkala dia datang kepada Jabatan Agama atau Majlis Agama mengadu hal. Jabatan Agama tidak boleh buat apapun, tidak ada satu pendidikan pun, tidak ada satu tempat yang hendak diuntukkan kepada dia mendapat didikan. Baharu-baharu ini seorang mualaf perempuan datang ke rumah saya kerana dia sakit sudah 9 tahun tidak baik. Dia kata, dia dengar suatu suara ghaib, dia kata ubat kamu ada dalam Al-Quran. Lepas itu dia cari, dia masuk Islam. Sekarang katanya mana dia hendak pergi. Tidak ada siapa hendak tampung, perempuan pula itu, kalau lelaki senang.

Tuan Yang Dipertua, saya pun pandang perempuan ini, kalau saya kata saya boleh jadi bapa angkat, orang rumah saya pandang satu fasal pula (*Ketawa*).

Timbalan Yang Dipertua: Betul, awak takut dengan orang rumah ya (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Bukan takut tetapi suasana, keadaan itu. Katanya satu hari nanti saya hendak berjumpa dengan Yang Berhormat. Jadi, orang rumah saya sudah kerling, ini pun satu masalah. Jadi, saya minta dalam Akta ini supaya dapat ditekankan dalam masalah ini.

Kemudian saya mahu menyentuh dalam masalah bagi menjalankan Akta ini. Kepada Menteri yang berkenaan bahawa dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Cawangan Negeri Sembilan yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, manakala dibentangkan tentang kekosongan jawatan di Mahkamah-mahkamah Syariah ini, kita sendiri pun tengok kesihan, ada yang tidak ada kadi. Kerjanya itu dibuat oleh Kadi daerah lain. Jadi datanglah pindah, umpamanya jawatan Kadi Seremban sudah kosong, datanglah Kadi Port Dickson menggantikan tempatnya itu dua hari atau satu minggu. Kemudian sudahlah Kadinya tidak cukup, Pendakwa bagi satu Negeri hanya satu, Pendakwa dalam Mahkamah, itulah satu sahaja. Kemudian, kalau Akta ini hendak dijalankan, mesti ada Pegawai Pendaftar, pun tidak ada. Kerani Mahkamah pun tidak ada, miskin.

Bila kita kemukakan jawatan ini kepada Kerajaan Negeri, katanya jawatan sekarang dibekukan. Kemukakan kepada pihak Pusat, katanya sekarang tidak boleh diisi sedangkan Akta ini hendak dijalankan, tempat orang yang hendak diisi tidak ada — tidak ada orang yang boleh jalankan. Sudahlah Kadi-kadi itu tidak cukup cara bekalan mereka itu untuk jadi Hakim — tidak

cukup persediaan. Dia pergi minum teh, lepas itu, dia berbual-bual, kemudian dia minta naik ke Mahkamah. Sekarang bicara katanya, mana ada macam ini, undang-undang apa nama itu. Diajak minum teh sama-sama, sekarang kita bicara, dia duduk atas kerusi Hakim, kemudian Pendakwanya datang, lepas itu dia pandang orang itu ke atas ke bawah, dia kata \$25 bolehlah, macam inikah (*Ketawa*). Ini yang kita lemah sekarang ini.

Jadi, Akta ini saya mahu sebelum dijalankan, semua jawatan Kadi-kadi Daerah ini telah diisi dengan sepenuhnya, ada Pendakwanya, ada Pegawai Pendaftarnya, ada Kerani Mahkamahnya; Negeri Sembilan ada 72 jawatan kosong, bagaimanakah Akta ini hendak dijalankan. Saya harap Menteri yang berkenaan ini apabila dia senaraikan jawatan ini nanti tolonglah JPA berikan kebenaran, isi terus, tidak boleh tahan-tahan. Kalau hendak tahan, Akta ini tidak payah kita luluskan. Agak saya bukan Negeri Sembilan sahaja yang menghadapi masalah ini dan masalah Akta ini adalah satu Akta yang paling tinggi. Kalau kita minta Kadi Daerah membicarakan, rasa saya tidak sampai maksudnya.

Apa yang saya hendak cadangkan bahawa setiap Negeri mesti ada seorang Kadi Litarnya khas untuk membicarakan sahaja kes-kes yang berlaku di daerah-daerah, tidak campur dengan orang ramai, tidak minum teh sama, walaupun tidak rasuah tetapi budi bahasa itu boleh jadi rasuah. Saya sedekah katanya, ya sedekah tetapi ada maksud, macam mana hendak bicara. Kadang-kadang dia pandang perempuan itu, dia runding dahulu apa masalah kamu — ini, ini, ini, pandang lebih kurang, naik bicara, tidak ada apa-apalah katanya, bolehlah bayar \$50. Kalau macam ini siapa pun boleh buat. Ini bukan Mahkamah. Jadi, kalau hendak Mahkamah ini yang betul-betul standard, kita tidak mahu supaya parti Pembangkang boleh masuk dalam Akta

ini. Jangan dia kata, kita luluskan Akta tetapi tidak ada makna. Ini saya cakap dari hati betul. Ini bukan saya cakap dengan pandang-pandang macam itu, tidak ada. Kerana kita sudah insaf, kita sudah sedar, kita tak usahlah bangkitkan 18 tahun dahulu Akta ini kenapa tidak dijalankan, itu tak usah cerita. Kita ceritakan sekarang bila Akta ini berjalan, mesti terus jalan, jangan ada tempoh lagi, kosong jawatan — isikan. Kita agak ini satu jawatan yang paling penting, mesitlah kita penuhkan jawatan-jawatan ini.

Begitu juga tentang pendapatan-pendapatan yang hendak diageh-gehkan kepada mereka ini haruslah dibuat pertimbangan, harus diberi pertimbangan. Saya syukurilah kerana Kerajaan Negeri Sembilan telah berani bahawa semua pegawai-pegawai mesjid diberi elaun bulanan walaupun tidak banyak tetapi ada bendalah. Berani Kerajaan Negeri beri kerana pegawai-pegawai mesjid ini adalah orang yang menjadi suruhan kita di dalam masalah jenayah-jenayah yang berlaku di dalam kawasan Kariahnya masing-masing.

Tentang penangkapan-penangkapan khalwat, berzina, puasa tidak puasa, semuanya ini pegawai mesjid yang buat penangkapan, kerana dalam kuasa Kariahnya itu dibenarkan dia buat tangkapan. Sehingga Imam itu boleh buat tangkapan tanpa warrant. Jadi, maknanya kuasa telah kita beri tetapi peruntukannya tidak ada.

Saya minta supaya dipercepatkan penubuhan masjid-masjid daerah dalam negeri-negeri yang belum berjalan, umpamanya Negeri Sembilan supaya ini dapat menguatkan lagi kedudukan Akta ini sebab dalam pembentangan Yang Berhormat Menteri tadi, dalam peringkat yang akhir itu, Akta ini dipinda adalah untuk meletakkan pula satu Akta Keluarga Islam yang akan dijalankan. Jadi Akta Keluarga Islam yang hendak dijalankan ini ada hubungan kaitnya dengan Akta yang akan kita

luluskan ini. Oleh kerana itu, Tuan Yang Dipertua, saya sungguh terharu manakala memikirkan masalah kedudukan pegawai-pegawai agama di negeri ini kerana pandangan yang diberikan kepada pegawai-pegawai ini tidak sama pandangannya dengan pegawai-pegawai yang lain.

Jadi, melalui Dewan yang mulia ini, saya harap bahawa kedudukan pegawai-pegawai yang saya sebutkan tadi akan dapat difikirkan dan akan dapat dibuat tindakan segera.

Menyentuh dalam permasalahan Akta ini tadi, selain daripada 'mualaf' iaitu bagi membanteras penyelewengan ajaran agama Islam yang salah ataupun ajaran agama Islam yang menyeleweng. Kita tidak boleh katakan 'dakwah sesat', dakwah tidak ada yang sesat, dakwah semuanya betul kerana dakwah ini adalah kalimah yang digunakan oleh Rasulullah s.a.w. pun melalui Al-Quran, tidak boleh. Jadi kita ini terlalu lumrah dengan kalimah orang Arab ini, kita terjemahkan dengan bahasa kita ikut sedap kita, terlalu lumrah sekali, saya rasa kita tidak boleh buat begini. Jadi kalau dikatakan dakwah yang sesat tidak ada, dakwah semua betul; yang sesat itu ialah ajaran yang sesat, kita terus tekankan ajaran sesat ataupun ajaran agama Islam yang menyeleweng. Kepada mereka yang terlibat ini pihak Menteri harus menekankan dalam Akta ini garisan-garisannya jangan sampai kita melibatkan benda yang baik jadi tidak baik, kerana di dalam penekanan beberapa penceramah-penceramah golongan kita yang akhir-akhir ini, orang-orang yang tidak faham agama pun bercakap masalah agama, maka banyak penyelewengan telah berlaku.

Pertama sekali dalam masalah tariqat. Tariqat ini nampaknya terlalu lumrah orang hendak bercakap tentang tariqat sedangkan kita tahu tariqat ini rasa saya ada 42 atau 43 tariqat. Di antara tariqat-tariqat ini, tariqat

ini maknanya cakap orang Arab, cakap kita maknanya 'jalan', untuk mendekatkan diri kepada Allah subhanahu wataala. Jadi terlalu berani orang ini menekankan masalah tariqat kerana ada tariqat yang baik, yang teratur, yang tidak menyeleweng, sebutannya dan zikirnya hanya mendekatkan diri kepada Allah subhanahu wataala dan hanya yang kita hendak tekankan ialah jangan sampai tariqat itu boleh memecah-belahkan umat kita, persaudaraan kita, rumahtangga kita, jiran tetangga kita, tetapi kalau boleh dia berzikir, dia sebut kalimah-kalimah Allah, kita hantar kadi-kadi kita, hantar pegawai agama kita pergi siasat yang dia buat itu zikir, janganlah kita senaraikan dia ini dalam ajaran agama yang sesat, takut kita yang sesat!

Jadi tariqat-tariqat ini harus diperhatikan betul-betul, ada orang-orang yang mengambil tariqat ini, ada orang-orang yang menjadi pengikut tariqat ini sendiri pula buat pindaan kerana hendak cari pengaruh, kerana tariqat ini boleh dapat pengaruh, sendiri pula hendak jadi Khalifah. Jadi rasa saya dalam masalah ini harus difikirkan, harus dikaji dan harus diteliti.

Tuan Yang Dipertua, dalam masalah ajaran sesat ini juga kita kurang menekankan dalam masalah silat atau seni mempertahankan diri. Ini lebih bahaya daripada tariqat. Kita nampak pak menteri-pak menteri kita banyak pula dilantik jadi Khalifah-khalifah. Bila pak menteri sudah dilantik jadi Khalifah — habis cerita, buka mulut pun tidak boleh! Tetapi ini lebih kurafat daripada tariqat, ini harus diteliti. Kalau sudah tidak payah sembahyang, puja sana, puja sini, masuk iktikad dalam hati perkara yang tidak betul. Kalau kita tengok orang lain pun ada buat macam itu; api tidak mahu makan dia, cucuk sana, cucuk sini, tidak jadi apa juga, tetapi bukan Islam. Jadi kita pula hendak buat macam itu! Ini saya

minta tolong sangat kepada Menteri berkenaan supaya ini dapat dimasukkan sama dalam Akta ini supaya dapat kita kesan, bukan kita hendak melulu — tidak, tetapi dapat kita kesan.

Selain daripada itu, Tuan Yang Dipertua, di dalam menjalankan Akta ini janganlah apa perbezaan kedudukan antara kaum, orang rendah dengan orang tinggi, orang besar dengan orang kecil atau sebagainya, tidak usah pilih. Kalau hendak jalankan Akta ini ikut ajaran Rasulullah s.a.w., sebagaimana kata Rasulullah: "Kalau Siti Fatimah itu sendiri membuat kesalahan, kalau dia mencuri boleh potong tangan, potong tangan dia; walaupun anak aku", inikan pula Akta ini ada beza-beza pula. Ini orang-orang kecil ikan bilis semua masuk, yang bongkak-bongkak, yang besar-besar semua terlepas. Jadi ini satu masalah, macam mana hendak jalankan Akta ini? Ini yang kita lemah sekarang.

Jadi saya tekankanlah sebagai pentafsiran kita supaya kita jangan didakwa oleh Allah taala esok kerana kita ini menentukan polisi, jadi tentulah kita meletakkan diri kita sekarang ini bahawa Akta ini akan menyeluruh, tidak ada perbezaan kedudukan yang akan kita jalankan. Begitu juga tidak ada perbezaan agama. Kalau dia terlibat dengan masalah mahkamah ini, kita heret dia sama. Kalau orang kita boleh masuk 3 tahun, apa salahnya dia pun kita masukkan 3 tahun. Kalau kita rotankan orang kita dengan 6 rotan, kita rotan pula dia dengan 6 rotan, biar dia tahu rupanya Islam ini macam ini, tidak boleh main-main dengan perempuan-perempuan Islam ini, baru selamat anak kaum kita. Kalau tidak, di Seremban ada 3-4 orang bangsa lain simpan anak gadis Melayu, di mana sahaja ada, sebab orang kita sekarang hendak cari duit, siapa boleh beri dia makan, siapa boleh jaga dia, siapa boleh pelihara dia; dia tidak kira siapa, dia tidak fikir siapa pun. Jadi dengan sebab itu Akta ini harus kita jelaskan, tidak pilih kaum, tidak pilih agama; Akta ini

akan berjalan, kalau terlibat, sama-sama masuk.

Tuan Yang Dipertua, saya rasa cukuplah, kalau apa yang saya dedahkan ini mendapat perhatian, insya Allah, saya akan menerima perubahan-perubahan dalam Akta ini dan tindakan-tindakan segera di dalam pengisian perjawatan tadi, tindakan-tindakan berani di dalam menjalankan tugas-tugas ini, latihan-latihan kepada bakal-bakal Hakim kita di Mahkamah Syariah ini dipercepatkan, diberikan kursus secara menyeluruh. Begitu juga di dalam perletakan Hakim-hakim ini, janganlah diletakkan kadi-kadi ini sebagai Hakim tetapi kita lantiklah Kadi litar sebagaimana yang saya katakan tadi, Hakim yang menyeluruh, tidaklah Hakim yang digunakan sebagaimana yang ada sekarang Kadi-kadi Daerah duduk di atas itu untuk menghakimkan.

Saya menyokong penuh Akta ini dan sama-sama kita berdoa mudah-mudahan Tuhan bukakan lagi hati kita, memberanikan kita bertindak dalam masalah menyempurnakan suruhan-suruhan Allah ini walaupun tidak secara langsung sebagaimana kata saya pada permulaan tadi, tetapi kita harap apa yang kita buat ini kalau tidak pun boleh melepaskan diri kita secara langsung daripada tindakan Allah di akhirat besok tetapi dapat dikurangkan. Adalah hati kita ingin untuk menjalankan hukum Islam sekadar yang kita mampu dan kita berdoa mudah-mudahan semua umat Islam ini dapat dibekalkan ajaran-ajaran agama di peringkat bawahan sekurang-kurangnya dia memahami asas-asas keagamaan itu.

Maka dengan sebab itu, saya menyokong di atas ceramah-ceramah agama yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan di waktu-waktu yang sesuai diberikan ceramah-ceramah agama kepada kakitangan di jabatan-jabatan itu sekurang-kurangnya mereka memahami apakah sebenarnya agama Islam ini. Tidaklah lengkap dan tidak

sempurna rasa saya kalau Akta ini dijalankan tetapi usaha-usaha untuk menyampaikan ajaran-ajaran Islam ini kita tidak buat, walaupun dalam latar belakang yang diberikan oleh pihak Menteri tadi bahawa dakwah-dakwah atau ceramah-ceramah agama yang dibuat sekarang ini telahpun dilakukan, saya rasa belum lagi sempurna kerana ada kalanya pihak orang-orang muda ini ataupun orang yang tidak mendapat didikan agama peringkat awal ini manakala kita heret dia kepada tempat-tempat tertentu umpamanya surau atau masjid, belajar agama dia malu. Tetapi manakala kita buatkan di Jabatan dan diminta wajibkan, tiada pilihan, kerana ada jabatan yang dibuat waktu kerja ceramah ini, tetapi pegawai-pegawai tinggi dalam jabatan itu dia pandang 'boss' dia tidak ada, ia tidak datang, dia buat kerja lain, satu jam punya masa dia buang masa, jadi satu jenayah lagi.

Kita mahu supaya semua kakitangan Islam dalam jabatan itu hadir dalam setiap kursus yang diadakan oleh Ketua Jabatan masing-masing. Dia tiada pilihan, ini serupalah dengan masalah menunaikan sembahyang Jumaat dahulu. Dia kata siapa hendak pergi sembahyang Jumaat, boleh balik, siapa tidak hendak pergi sembahyang Jumaat, boleh buat kerja. Jadi kerja ini tidak betul. Sekarang tiada pilihan, semua orang mesti pergi, pergilah jawabnya, tiada pilihan. Kenapa pula dia boleh pilih, dia boleh main cator, orang buat kursus agama, dia main karum, apa cerita ini, Islam, pegawai-pegawai tinggi pula dalam jabatan. Saya harap Menteri tekankan ini supaya semua kursus yang dianjurkan oleh Ketua Jabatan dari peringkat atas sampai ke peringkat bawah hadir, tulis dalam jadual kerjanya itu, bahawa dia hadir di ceramah agama, tidak boleh buat sia-sia. Kalau ini kita buat secara sungguh-sungguh, rasa saya dapat kita jalankan apa yang kita kehendaki ini, kerana mereka ini kadang-kadang dengan kawan-kawan itu kurang malu. Bila kita

dedahkan satu masalah, dia berani mendedahkan masalah itu kepada penceramah, dia ingin mendapat kefahaman, barulah mereka itu faham dan barulah mereka itu mengerti. Kalau kita bawa dia ke surau, memang dia tidak mahu datang. Kadang-kadang dia baca 'Fatihah' pun tidak tahu dan saya telah interview satu anak dara....

Timbalan Yang Dipertua: Macam mana itu? (*Ketawa*).

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang: Anak gadis, saya tanya, engkau tahu tidak mandi wajib? Dia kata tahu. Niat dia tahukah? Dia kata tahu. Macam mana dia punya niat? Dia kata mengucap dua kalimah syahadat, kita pun mandi. Kes ini betul. Dan satu lagi saya jumpa orang yang mempunyai tiga anak tidak tahu mandi wajib. Siapa hendak pikul ini? Akta ini lebih hebat lagi, benda ini benda kecil. Kalau mandi wajib dia tidak tahu, kalau dia berpegang, dia duduk dipangkal-pangkal bunga dua orang dalam gelap itu, saya rasa tiada masalah pada mereka. Mandi wajib pun dia tidak tahu, sentuh-sentuh ini tiada fasal, sosial katanya, tidak apa. Ini seronok. Kalau haram katanya, cuba tengok dalam suratkhobar, macam-macam gambar ada. Tengok TV katanya, kalau haram takkan keluar perkara itu. Kita diberi kursus, macam mana hendak tidur, macam mana duduk di atas katil, macam mana roman di taman bunga. Macam mana hendak buat. Kalau haram, benda ini tidak berlaku. Fasal kita sudah jalankan nilai-nilai Islam, dia tengok suratkhobar tiga suku benda ini. Macam mana dia tidak ghairah, kita ini pak akal sudah tua, kalau muda belum tentu lagi. Ya, ini cakap betul, kita ini malu-malu asam sahaja. Tetapi kalau iman kita kuat, kita beri dia latihan dan kita berikan didikan, insya Allah, perkara ini dapat kita banteras.

Tuan Yang Dipertua, masa pun sudah cukup, akhir sekali, sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada

Menteri berkenaan di atas Akta ini dan diharap Akta ini dapat dijalankan dengan sempurna dengan izin Allah s.w.t. dan mudah-mudahan kita yang beragama Islam yang ada di dalam Dewan ini akan keluar filem kita di akhirat bahawa kita pernah membincangkan untuk faedah umat Islam yang taat dan kepada umat Islam yang engkar ini pernah kita bahaskan apa hukum yang patut kita lakukan mengikut akta kita ini. Mudah-mudahan kita diselamatkan Allah. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusof.

6.28 ptg.

Tuan Mohd. Yusoff bin Haji Md. Nor: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kerana membenarkan saya bercakap dalam membahaskan usul Menteri mengenai Akta Mahkamah Syariah Bidang Kuasa Jenayah 1958.

Tuan Yang Dipertua, saya menyokong akta ini kerana Akta ini adalah satu tapak, satu langkah di dalam meninggikan taraf Mahkamah Syariah di negara kita ini. Akta ini adalah satu langkah Kerajaan di dalam menerapkan nilai-nilai Islam bukan sahaja di bidang lain tetapi di dalam bidang kehakiman syariaiah di negara kita ini. Peruntukan yang memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk mengukum rotan (*whipping*) adalah sesuai di dalam hukum Islam yang memperuntukkan di dalam setengahnya-setengah bidang jenayah, hukum rotan. Walaupun undang-undang ini bukannya memberi kuasa penuh kepada Mahkamah Syariah untuk menjalankan hukum-hukum Islam di dalam Undang-undang Jenayah, tetapi ia adalah satu langkah yang baik menuju ke arah mungkin pada satu hari nanti Mahkamah Syariah akan diberi kuasa yang penuh untuk menjalankan hukum-hukum syariaiah di dalam bidang jenayah.

Timbalan Yang Dipertua: Ahli Yang Berhormat, masanya telah cukup, Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Sebelum saya menangguhkan mesyuarat ini, saya suka mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, kita ada 9 Rang Undang-undang yang hendak diluluskan dalam masa 3 hari. Diharap dapat kerjasama daripada Ahli Yang

Berhormat pada satu hari kita dapat menghabiskan 3 Rang Undang-undang, insya Allah, kita dapat menghabiskan semua sekali Rang Undang-undang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 2.30 petang hari besok, 19hb Disember, 1984.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.